

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**INSTITUT JANTUNG NEGARA - MEMPERCEPATKAN
JANGKA WAKTU MENUNGGU RAWATAN**

1. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai jangka waktu menunggu giliran rawatan bagi seseorang pesakit jantung di Institut Jantung Negara, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menambahkan kemudahan rawatan supaya jangka masa menunggu ini dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, jangka masa menunggu seseorang pesakit untuk rawatan jantung di Institut Jantung Negara berdasarkan kepada kes dan keadaan seseorang pesakit.

Bagi kes-kes yang di tahap tenat (emergency) akan dibedah dengan serta-merta. Kes-kes yang di peringkat memerlukan pembedahan segera akan dibedah di dalam jangka masa satu minggu.

Kes-kes yang tidak begitu serius akan diletakkan di dalam senarai menunggu yang akan mengambil masa di antara 6 bulan sehingga 18 bulan.

Walau bagaimanapun, pesakit yang di dalam senarai menunggu akan diberi rawatan sebagai pesakit luar oleh Pakar Perunding Kardiologi dalam 3 bulan sekali. Sekiranya di dalam tempoh 3 bulan tersebut keadaan pesakit bertambah teruk, mereka akan dikira sebagai kes tenat atau kes yang memerlukan pembedahan segera.

Usaha yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menambahkan kemudahan rawatan ialah melalui desentralisasi perkhidmatan Kardiologi dan Kardiothorasik di hospital-hospital negeri secara berperingkat-peringkat. Melalui langkah tersebut, jangka masa menunggu dapat dikurangkan.

Jabatan Kardiologi dan Kardiothorasik telah ditubuhkan di Hospital Pulau Pinang pada tahun 1994. Jabatan-jabatan tersebut dijangka akan diwujudkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 1995/1996 dan di Hospital Kuching, Sarawak pada 1996/1997.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit. Berapakah kos untuk pembedahan jantung yang dikenakan oleh Institut Jantung Negara? Setakat hari ini berapa banyakkah yang telah di'subsidise'kan oleh kerajaan bagi membiayai pembedahan jantung kepada rakyat yang kurang bernasib baik?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, harga pembedahan jantung secara puratanya adalah di antara RM13,000 hingga

RM15,000, tetapi bagi kes-kes yang lebih tenat boleh sampai kepada RM20,000 bagi seorang pesakit dan ini amat berbeza kalau dibandingkan dengan pihak swasta yang boleh menjangkau lebih daripada RM20,000 hingga RM30,000 bagi seorang pesakit.

Ingin saya maklumkan bahawa jumlah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi subsidi kepada hanya mereka yang susah dan tidak termasuk bagi pegawai-pegawai dan tanggungan mereka daripada kerajaan. Walaupun ia begitu banyak, tetapi ingin dimaklumkan bahawa kenaikan kos ini adalah akibat daripada peningkatan bilangan pesakit dan bukannya caj atau kos.

Setelah mengadakan satu pembaharuan dalam caj atau bayaran ini diperkenalkan pada 1hb. September 1995, pembaharuan pembayaran ini telah mendapat satu 'reduction' menyeluruh kepada pendapatan pesakit sebanyak 4.6% iaitu memberi kemudahan kepada kerajaan untuk mendapat penjimatan (saving) sebanyak RM2.1 juta dalam bentuk subsidi setiap tahun.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Kesihatan ada mencadangkan untuk membina sebuah hospital khas untuk kaum wanita. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu bilakah hospital ini boleh siap dan apabila berfungsi, adakah doktor-doktor yang bertugas dari kaum wanita atau lelaki juga?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun hasrat itu merupakan satu hasrat yang memang disukai oleh kaum wanita, tetapi belum boleh dilaksanakan walaupun mungkin ada di sektor

swasta untuk mengadakan perkhidmatan doktor yang diusahakan seluruhnya oleh anggota tenaga doktor wanita tetapi oleh sebab keadaan demikian dapat dilihat satu kekurangan para doktor dan kakitangan perubatan sebanyak 50% terutamanya di kalangan para doktor dan specialist, jadi mungkin ini sukar. Tetapi dalam masa-masa yang akan datang kalau berlaku satu keadaan di mana semakin ramai para doktor yang dilatih, terutamanya di kalangan wanita dan kalau ada hasrat dan kemahuan tinggi di kalangan mereka yang mahu melibatkan di dalam pengendalian hospital yang sedemikian seperti oleh pihak swasta, mungkin akan berlaku tetapi tidak dari segi pihak kerajaan kerana kesuntukan ataupun batasan-batasan dari segi walaupun ramai para doktor di kalangan wanita, mungkin tidak seramai dalam bidang-bidang specialist tertentu sebagai pakar O&G dan sebagainya.

**PEMANDU BAS/BAS MINI MELANGGAR PERATURAN
JALAN RAYA - MEMPERKETATKAN PENGELUARAN LESEN**

2. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan pihak kementerian terhadap:

- (a) sikap pemandu-pemandu bas dan bas mini yang rata-rata tidak mematuhi peraturan dan menyebabkan kemalangan melibatkan orang awam semakin meningkat; apakah perlu diadakan syarat-syarat yang lebih ketat sebelum diberikan lesen; dan
- (b) apakah kementerian bercadang mengurangkan jumlah bas/bas mini serta pengangkutan awam bagi tujuan mengurangkan kesesakan dan pencemaran udara setelah Sistem Aliran Transit Ringan bermula. Jika ya, bilakah tarikh dan waktunya dan berapa peratuskah jumlah pengurangan tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sememangnya mempunyai cadangan untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat sebelum diberikan lesen kepada pemandu-pemandu bas dan bas mini. Syarat-syarat yang lebih ketat tersebut adalah seperti berikut:-
- (i) memperkenalkan sistem pelesenan berperingkat (graduated licensing) bagi pemandu-pemandu kenderaan berat termasuk pemandu bas di mana mereka akan disyaratkan untuk memperolehi terlebih dahulu lesen memandu motokar biasa bagi sesuatu tempoh yang terlebih dahulu sebelum dibenarkan mengambil lesen memandu kenderaan berat;
 - (ii) mengenakan syarat latihan teori dan amalan tambahan; dan
 - (iii) mengenakan syarat lulus ujian amali bagi pemandu-pemandu bas.
- (b) Kerajaan sedang merancang pendekatan untuk melupuskan operasi bas mini di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya dan digantikan dengan perkhidmatan bas berhenti-henti Intrakota Consolidated Berhad (Intrakota). Penggantian bas mini oleh Intrakota dibuat secara berperingkat-peringkat sehingga akhir tahun 1997. Jumlah bas mini yang terlibat adalah sebanyak 828 buah. Kementerian Pembangunan Usahawan akan berunding dengan semua pihak termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL), Persatuan Bas Mini dan Intrakota untuk melaksanakan cadangan pelupusan ini.

Sehingga 31 Januari 1996, Intrakota telah mengadakan sebanyak 205 buah bas baru. Intrakota mempunyai program menambah sebanyak 145 buah bas baru sehingga akhir tahun ini.

Langkah pelupusan bas mini akan memperkenalkan bas berhenti-henti Intrakota dijangka akan memperbaiki tahap kecekapan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyedari keadaan bahawa pemandu bas mini akan berterusan bertugas di Bandaraya ini sama ada dengan bas mini ataupun dengan Intrakota, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan kursus berperingkat-peringkat kepada pemandu-pemandu ini supaya mereka lebih berdisiplin ketika memandu dan juga ketika dengan orang ramai?

Tuan Idris bin Jusoh: Bukan hanya kursus berperingkat, tetapi sebelum mereka diambil untuk bekerja, Intrakota akan memastikan mereka mengikuti kursus dahulu dan kursus berperingkat itu akan sentiasa dijalankan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan sikap pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam, rata-ratanya kalau kita lihat memanglah mempunyai sikap yang begitu kasar

dan juga tidak berhemat. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengajukan perkara ini Jabatan Pengangkutan Jalan supaya diwujudkan satu institut latihan khas untuk melatih pemandu-pemandu KPA atau pemandu-pemandu kenderaan berat ini, sebelum mereka diambil bekerja, maka pemandu-pemandu yang layak hanya boleh diambil daripada institut berkenaan?

Saya ingin tahu adakah setakat ini kementerian berpuas hati dengan sikap pemandu-pemandu bas Intrakota yang juga kita boleh anggapkan bahawa mereka juga adalah pemandu biasa, yang tidak terhindar dari kesalahan dan juga kesilapan sewaktu memandu.

Tuan Idris bin Jusoh: Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Jelebu, memang dari masa ke semasa kementerian akan memastikan yang pemandu-pemandu tidak bersikap kasar.

Mengikut penelitian yang telah dibuat oleh kementerian, pemandu-pemandu Intrakota dari segi tingkah-lakunya ialah lebih baik dari pemandu-pemandu bas mini sebelum ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI MALAYSIA - PERANAN DI SEKTOR PEMBINAAN

3. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) setakat manakah Lembaga Perusahaan Pembinaan (Construction Industry Board) telah berjaya memenuhi peranan dan fungsinya dalam sektor pembinaan; dan

- (b) apakah pula langkah-langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Lembaga Perusahaan Pembinaan ini dalam memastikan pembinaan yang bermutu tinggi dan keselamatan di sektor pembinaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ditubuhkan bagi tujuan membangunkan industri pembinaan agar menjadi satu sektor utama yang menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan berupaya menghasilkan pembinaan berkualiti tinggi. Bagi mencapai tujuan tersebut, LPIPМ sedang berusaha mengemudi dan menggalakkan sektor pembinaan supaya dapat berkembang dengan lebih teratur dan terancang, dengan memberi penumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kualiti binaan dan persekitaran bisnes pembinaan.

Sebagai langkah pertama, LPIPМ telah mengatur strategi bagi menimbulkan kesedaran kepada mereka yang terbabit di dalam industri pembinaan akan kepentingan meningkatkan kualiti pembinaan dan keperluan bagi kontraktor, pekerja mahir dan penyelia tapak mendaftar dengan LPIPМ dan makluman balas yang diterima amat

menggalakkan berdasarkan permintaan dari sektor pembinaan untuk mendapatkan penerangan berkenaan LPIPМ melalui taklimat-taklimat, pertanyaan melalui telefon dan khidmat kaunter serta pembelian borang-borang pendaftaran.

Di samping itu, LPIPМ juga telah berjaya membendung masalah kekurangan bekalan simen dengan menyediakan mekanisme untuk tujuan pengimportan simen. LPIPМ juga telah berjaya mengawal kualiti simen yang diimport dengan memastikan hanya simen yang mematuhi piawaian Malaysia sahaja dibenarkan masuk ke negara ini.

LPIPМ juga telah mula mengadakan kursus-kursus bagi mereka yang terbabit di dalam industri pembinaan bagi meningkatkan kualiti dan kesedaran akan kepentingan keselamatan di tapak pembinaan.

LPIPМ juga turut bertindak sebagai fasilitator untuk membantu kontraktor, pembuat bahan, perunding dan usahawan tempatan menembusi pasaran pembinaan antarabangsa serta menyertai 'cross border business' melalui penglibatan aktif dalam program di bawah 'Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines - East Asia Growth Area', dengan izin,

‘Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle’ dan ‘Indonesia, Malaysia, Singapore Growth Triangle’.

Usaha-usaha akan diteruskan bagi memastikan peranan dan fungsi LPIPМ dan dilaksanakan dengan berkesan.

(b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh LPIPМ dalam memastikan pembinaan yang bermutu tinggi dan keselamatan di sektor pembinaan adalah seperti berikut:

- (i) mendaftar setiap kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan LPIPМ;
- (ii) mendaftar pekerja mahir dari rakyat tempatan dan asing dengan LPIPМ;
- (iii) mendaftar penyelia tapak dengan LPIPМ;
- (iv) mengawal kualiti simen yang diimport;
- (v) mengadakan kursus keselamatan;
- (vi) mengadakan kerjasama dengan Department of Occupational Safety and Health, dengan izin, dan National Institute of Occupational Safety and Health bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan di tapak bina melalui tindakan bersepadu;

- (vii) menandatangani perjanjian persefahaman dengan SIRIM bagi menjalankan peranan 'Standard Writing Organization', melaksanakan ujian ke atas bahan-bahan binaan dan menjalankan 'product certification' bagi bahan-bahan binaan;
- (viii) menyelaras aktiviti latihan pekerja mahir yang melibatkan penyediaan standard kemahiran, silibus latihan dan membuat kajian ke atas pusat-pusat latihan sedia ada bagi tujuan memberi akreditasi;
- (ix) mengkaji keperluan, meningkatkan kualiti konkrit siap bancuh;
- (x) mengadakan pembincangan dengan kerajaan negeri dan mereka yang terbabit bagi tujuan penubuhan pusat latihan pembinaan, pusat sumber industri pembinaan dan pusat pameran pembinaan;
- (xi) menggalak dan membantu pihak-pihak tertentu dalam industri pembinaan membawa masuk teknologi baru atau bahan binaan baru sama ada dengan mengadakan kerjasama atau

menyediakan kemudahan seperti 'grant' dan sebagainya;

- (xii) memberi penerangan melalui taklimat-taklimat akan kepentingan meningkatkan kualiti pembinaan dan taraf keselamatan serta masa hadapan industri pembinaan negara.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang panjang lebar dari pada Yang Berhormat Menteri. Persoalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan antara fungsinya adalah pendaftaran pemborong. Terdahulu dari ini sebelum tertubuhnya Lembaga Perusahaan Pembinaan ini kita ada juga PKK. Adakah tidak timbul pertindihan di sini - satu orang pemborong perlu berdaftar dengan PKK perlu juga berdaftar dengan LPIP. Bagaimanakah masa depan tentang nampaknya ada pertindihan fungsi antara dua badan ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tugas PKK ialah untuk mendaftar kontraktor yang suka juga menjalankan kerja-kerja pembinaan. Tetapi tugas LPIP ialah untuk menjaga taraf kontraktor selepas mereka telah didaftar di dalam PKK. Dan juga menentukan mereka menjalankan kerja dengan standard yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Itulah perbezaan di antara kedua-dua badan tersebut.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi terlalu banyak fungsi yang dimainkan oleh Lembaga ini. Saya ingin tahu, sejauh mana kuasa yang diberikan kepada Lembaga ini, sama ada dari aspek undang-undangnya dan sejauh mana pula persiapan yang dibuat oleh Lembaga ini untuk memainkan peranan-peranan tadi dari segi kakitangannya, latihan Lembaga itu sendiri, kerana saya faham Lembaga ini baru sahaja ditubuhkan. Apakah persiapan-persiapan yang akan dibuat bagi memainkan peranan yang lebih berkesan supaya fungsinya dapat dilakukan dengan lebih baik?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini telah ditubuhkan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, yang pertama. Yang kedua, setakat ini iaitu setelah lebih kurang 14 bulan Lembaga ini ditubuhkan, mereka telah memulakan kerja-kerja iaitu untuk mendaftar kontraktor-kontraktor seperti apa yang saya jelaskan tadi. Yang ketiga, mereka juga sedang menjalankan ujian berkenaan dengan simen-simen yang diimport ke negara ini. Ada juga banyak kerja yang belum diselesaikan lagi oleh kerana mereka belum dapat kakitangan yang mencukupi. Jadi, mereka sedang berbincang dengan JPA untuk mendapat lebih kakitangan di mana Lembaga ini boleh berfungsi seperti apa yang dijangkakan atas tugas mereka.

4. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sebab kenaikan harga ikan dan adakah kenaikan harga ikan ini memberikan keuntungan secara langsung kepada nelayan-nelayan di negara ini; dan
- (b) berapakah peratus ikan-ikan yang digunakan di negara ini telah diimport dari luar negeri dalam tahun 1995.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan sahabat saya dari Tanjong Karang,

- (a) Terdapat beberapa faktor yang mendorong kenaikan harga ikan. Antaranya ialah:
 - (i) permintaan ikan yang tinggi berbanding dengan jumlah penawaran;
 - (ii) kenaikan kos pengendalian dan pemasaran; dan
 - (iii) sistem pemasaran yang melalui beberapa peringkat urusniaga dan pengambilan untung yang tinggi bagi menampung susut nilai dan lebihan yang tidak dapat dijual.

Kenaikan harga ikan ini turut dinikmati secara langsung oleh nelayan. Ini dapat dilihat daripada analisis harga ikan di peringkat pendaratan. Purata harga ikan beberapa spesis utama pasaran di peringkat pendaratan telah meningkat daripada

RM5.15 sekilogram pada tahun 1990 kepada RM5.97 seilogram pada tahun 1994 iaitu meningkat sebanyak 15.9%. Ini bermakna nelayan telah menikmati kenaikan harga ikan sebanyak 82 sen sekilo atau 15.9% pada tahun 1994 berbanding dengan harga pada tahun 1990.

- (b) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, data rasmi bagi tahun 1995 masih belum diperolehi. Angka yang diberikan bagi tahun 1995 adalah data awalan yang merupakan anggaran sahaja. Berdasarkan data rasmi pada tahun 1994, negara telah mengimport ikan dan hasil perikanan sebanyak 275,880 tan metrik atau 36.9% daripada jumlah penggunaan ikan negara. Jumlah import bersih ikan setelah ditolak jumlah eksport ialah sebanyak 29.157 tan metrik atau 3.9% daripada jumlah pengguna ikan negara yang dianggarkan sebanyak 747,194 tan metrik. Pada tahun 1995, jumlah penggunaan ikan dalam negeri dianggarkan meningkat kepada 820,000 tan metrik. Jumlah import ikan dan hasil-hasil perikanan adalah dianggarkan 305,842 tan metrik, iaitu 37.3% daripada jumlah penggunaan ikan negara.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, memandangkan di negara ini juga bertumbuh industri makanan yang berasaskan ikan. Jadi, saya minta penjelasan, adakah negara kita mengeksport barang-barang makanan yang berasaskan ikan, dan berapakah nilainya. Dan tolong jelaskan melalui pintu masuk atau keluar yang mana kebanyakan barang-barang makanan kita ini keluar, ataupun ke negara mana. Dan juga ramai kawan-kawan masih tak faham, seringgit berapa kupang, dan dalam seringgit ada berapa duit? Kawan-kawan saya sebut di sini, jadi, saya minta Yang Berhormat tolong jelaskan. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menggunakan bahasa Kedah sedikit. Kebanyakan kita eksport ikan - nilai barangan ikan melalui pintu-pintu masuk yang ada di sini, kebanyakannya melalui Bukit Kayu Hitam, lebih kurang RM23 juta setahun, Pelabuhan Kelang Utara - RM43 juta lebih, Pelabuhan Kelang Selatan - RM41 juta lebih, Tambak Johor - RM92 juta lebih, Pulau Pinang - RM31 juta lebih, Butterworth - RM315 juta lebih dan Lapangan Terbang Subang - RM31 juta lebih. Saya akan berikan angka yang banyak lagilah. Soalannya ialah inilah yang kita gunakan ikan itu diproses dan value added. Itulah yang kita eksportkan ke luar negara.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya protin penting untuk manusia. Kalau manusia

itu tak cukup protin, dia jadi kurus. Ikan merupakan sumber protin yang penting. Jadi, kalau ikan pun naik, ayam pun naik; daging naik. apakah kementerian mempunyai sumber protin yang lain untuk membekalkan protin kepada rakyat Malaysia?

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Itik.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, banyak bahan protin yang boleh digunakan, bukan sahaja ikan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Itik pun boleh, seperti ada Yang Berhormat di belakang katakan.

[Ketawa] Mudah-mudahan kita boleh perbanyakkan. Malahan kementerian memang ada program tertentu untuk menambahkan kekurangan keperluan ikan dan juga keperluan ayam, daging dan sebagainya. Ini kita akan lakukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

KEMALANGAN JALANRAYA - LANGKAH MENGURANGKAN

5. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat. Penunggang motosikal dilaporkan sebagai mangsa yang paling tinggi. Adakah terdapat langkah-langkah selanjutnya selain daripada kempen-kempen yang hebat dilakukan.

6. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kementerian akan mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira aspek-aspek fizikal seperti rekabentuk jalan raya, daya pemeliharaan keupayaan (multi-tasiking) pengguna, pertambahan kenderaan, kekurangan penguatkuasaan dan ketiadaan penilaian untuk kempen keselamatan jalan raya sebagai faktor yang akan diambil kira untuk mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan No. 5 dan No. 6 ada persamaan, saya ingin minta izin menjawab keduanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada kempen-kempen, kerajaan akan memberikan tumpuan utama kepada kegiatan penguatkuasaan perundangan lalulintas. Di samping itu, pindaan sedang dibuat ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk memperkenalkan sistem pelesenan percubaan selama dua tahun. Kerajaan juga akan memberikan tumpuan kerajaan kumpulan sasaran seperti penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng motosikal dengan membina lorong-lorong khas untuk motosikal di mana sesuai dan praktikal, menggalakkan pemakaian topi keledar dengan betul dan mengikut mutu piawaian yang telah ditetapkan dan memastikan kontraktor-kontraktor yang sedang memperbaiki dan membina jalan-jalan, menandakan kawasan berkenaan dengan tanda-tanda yang jelas supaya senang dilihat oleh pengguna-pengguna jalan raya apabila mereka menggunakan jalan-jalan raya yang berkaitan.

Pendekatan yang diamalkan oleh kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan di negara ini adalah juga merupakan pendekatan yang menyeluruh seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain di seluruh dunia. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semuanya telah diambil kira kerana pendekatan yang kerajaan amalkan meliputi aspek-aspek pendidikan, kejuruteraan dan juga penguatkuasaan.

Dalam pada itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek penyelamatan mangsa-mangsa kemalangan bagi memastikan supaya mangsa-mangsa tersebut mendapat rawatan penyelamatan seberapa segera yang boleh. Ini telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada Kementerian Kesihatan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hendak peringatkan Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dia menjawab soalan No. 5 dan No. 6, sepatutnya beri 4 soalan tambahan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan No. 5 - saya hendak beri 'chance' kepada kawan-kawan saya. Tadi, Timbalan Menteri mengatakan kita membuat undang-undang trafik ini adalah dengan mengkaji undang-undang trafik seluruh dunia. Tetapi saya rasa Timbalan Menteri ini tidak pernah pergi ke negara jiran - sebelah Thailand. Di Thailand, kenderaan yang besar di anggap bersalah - saya beri contoh, kalau kereta langgar motor, drebar kereta itu duduk dalam lokap dahulu, kalau lori langgar kereta, lori salah. Itu dia kira hak yang besar

bersalah. Kalau basikal langgar orang yang berjalan kaki, orang yang kayuh basikal itu dibunuh dalam lokap dahulu. Ini berlaku di Thailand dan telah disahkan oleh Ketua Polis Negara kita yang dahulu - Tun Haniff, bila dia pergi ke Thailand, dia kata itu memang berlaku. Saya sudah bangkitkan perkara ini. Kenapa kita tidak membuat macam itu? Di sini kalau drebar lori langgar kereta, dia seronok - begitu, berlanggar dengan van - mati 6 orang, dia tidak ada apa, lepas itu pergi buat laporan, masing-masing pakai lawyer, kemudian selesai di luar - ini berlaku.

Saya rasa elok Kementerian Pengangkutan ini tolong pergi sebelah itu, kot hendak pergi main golf di Phuketkah, pergi tengok di negara Thailand, sejauh mana kesannya bila undang-undang secara ini dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya apa? *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Soalannya, tidak teringinkah kita melihat negara jiran kita yang melaksanakan undang-undang dengan begitu berkesan. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi, kalau kita naik motor, lebih kurang 200 ela lagi lori sudah 'honk' takut motosikal langgar lori, bukan lori langgar kita - itu yang saya hendak terangkan sedikit. Lori takut motor langgar dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu sudah 4 soalan. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang telah dikemukakan oleh

Yang Berhormat tadi. Saya bukan tidak hendak pergi ke negeri seberang, ke Golok misalnya, tetapi takut disalah anggap nanti. *[Ketawa]* Tetapi kalau ada cadangan yang baik seperti yang dikemukakan tadi, kementerian sedia mempertimbangkan. Sebenarnya memang kerajaan telah mengetahui ada cadangan dan juga pandangan yang mengatakan di negeri Thailand misalnya, kalau kereta kecil berlanggar dengan kereta besar, maka yang besar itu disalahkan, tetapi perkara ini belum lagi ditimbang oleh Kementerian Pengangkutan buat ketika ini. Sekiranya sesuai, pada masa depan, perkara yang dicadangkan tadi bolehlah dipertimbangkan untuk melihat bagaimana perkara itu dilakukan di negeri Thailand.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, ada sekumpulan pemerhati di negara ini merasakan banyaknya 'accident' ini berlaku kerana denda kita kurang berat atau amat ringan kalau kita bandingkan dengan negara lain - kalau ditangkap kerana membuat kesalahan melanggar traffic light tiga kali - terus lesennya terbatal, tidak boleh membawa kereta sekurang-kurangnya 2 tahun. Adakah kerajaan merasakan ini satu perkara yang perlu dikaji dan kalau perlu dikaji semula tentang dendanya supaya denda yang lebih berat lagi dikenakan kepada mereka yang melanggar undang-undang jalan raya ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Rompin, memang pada

masa lepas banyak penyalah-laku jalan raya telah dapat lari dan tidak membayar kompaun. Ini adalah kerana tidak adanya sistem penyelarasan menerusi komputer antara Jabatan Polis dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh kerana itu, walaupun mereka banyak kali melakukan kesalahan - 3 atau 4 kali misalnya, tetapi road tax mereka masih lagi boleh dibayar, tetapi pada ketika ini sistem komputer JPJ telah pun berjalan dengan berkesan yang mana kesemua pesalah-pesalah lalulintas ketika mereka ingin membayar road-tax mereka, mereka terpaksa menyelesaikan dahulu kompaun-kompaun yang dikeluarkan oleh pihak polis dan kami yakin ini akan dapat mengurangkan lagi pesalah-pesalah lalulintas seperti yang berlaku pada masa lepas. Dan kita berharap pada tahun 1996 ini dan juga pada tahun hadapan, kita akan melihat kesannya sama ada dapat mengurangkan lagi kemalangan ataupun tidak.

Berkaitan dengan denda kepada pesalah-pesalah supaya ditingkatkan lagi, bagi kes-kes yang berat kita akan membawa ke mahkamah dan mahkamahlah yang menentukan denda yang maksimum yang perlu di bayar, manakala kompaun sekarang ini kita telah menetapkan sebanyak RM300. Ini juga merupakan denda yang agak tinggi, tetapi jika sekiranya denda sebanyak RM300 ini juga tidak berapa diberi perhatian, kerajaan bersedia mempertimbangkan supaya denda minimum ini dapat ditingkatkan lagi.

Walau bagaimanapun saya suka menjelaskan, untuk pemandu-pemandu baru seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, mulai tahun depan, sekiranya ini

diluluskan dalam bulan Ogos tahun ini dalam pindaan akta maka pemandu baru terpaksa ada 2 tahun dahulu 'pioneer', sekiranya mereka melanggar peraturan, mereka terpaksa duduk semula ujian. Ini boleh memberi satu lagi kesan yang kuat bagi memastikan supaya pemandu-pemandu mematuhi peraturan lalulintas.

PERDANA MENTERI MERASMIKAN MAJLIS PERSIDANGAN HAKI-HAKIM - UCAPAN

7. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menjelaskan adakah beliau sedar adalah tidak wajar baginya atau mana-mana Menteri berucap atau merasmikan 'conference' para hakim memandangkan wujudnya pemisahan antara kehakiman dan eksekutif memandangkan beliau telah dilaporkan berucap merasmikan satu 'conference' tahunan para hakim di Kuching kira-kira dalam bulan Mac, 1996 yang lalu dan bagaimana kebebasan kehakiman dapat dilindungi dari campur tangan kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, liputan ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berucap dalam memberikan kata-kata aluan dan seterusnya merasmikan persidangan tersebut adalah sejajar dengan fungsi Perdana Menteri atau menteri-menteri lain di Jabatan Perdana Menteri yang secara langsung bertindak sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada jabatan tersebut. Sehubungan itu, oleh kerana urusan pentadbiran mahkamah adalah diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga adalah ketua kerajaan yang memerintah, maka adalah sesuai sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dijemput untuk merasmikan Majlis Persidangan Hakim-hakim. Konsep kebebasan kehakiman bermaksud bahawa hakim-hakim adalah bebas untuk membuat keputusan dalam sesuatu kes tanpa takut atau menyebelahi mana-mana pihak.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan yang diadakan di Kuching baru-baru ini, ada hakim yang bermalam ataupun menginap di Hotel Berjaya Group, ada hakim yang tidak mahu tidur di hotel Berjaya Group dan dia tidur di Hotel Sheraton. Tidur di Hotel Berjaya Group dikatakan diberi percuma oleh tauke kerana dia baru memenangi kes RM10 juta dan keberanian para hakim untuk berbuat begitu kerana katanya mereka dilindungi oleh Perdana Menteri sekarang ini. Apakah kerajaan ingin menyiasat bahawa ada hakim-hakim yang boleh dibeli oleh Berjaya Group, sedangkan ada hakim yang lain yang lebih 'senior' tidak mahu terlibat dan duduk di Hotel Sheraton. Adakah kerajaan ingin menyiasat perkara ini.?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, penginapan yang telah disediakan di Kuching sewaktu persidangan ini telah pun di kelolakan oleh jabatan berkenaan dan ia tidak ada kaitan langsung bahawa ada tempat yang telah pun disediakan oleh syarikat Berjaya ataupun syarikat lain. Jadi, perkara ini sebenarnya tidak berbangkit dan sehingga pada hari ini pun saya tidak pernah mendengar bahawa ini merupakan satu perkara yang menjadi pertikaian dalam kehakiman.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan dari Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri tentang kebebasan hakim-hakim ini, sebenarnya kebebasan hakim-hakim ini tidak ada dari sudut pandangan pihak pembangkang terutama sekali dari Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Kalau benar-benar hakim ini bebas, maka bebaslah dia menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merasmikan conference dan kalau hakim-hakim ini bebas, maka tidak patut dipersoal di mana para hakim ini bermalam, sama ada di Sheraton ataupun di mana-man pun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat?

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tiada soalan, minta pandangan!

**AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960 -
CADANGAN MEMINDA PERUNTUKAN**

8. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Akta Keselamatan (Internal Security Act) hendak dipinda dan terangkan mengapa pindaan-pindaan perlu dibuat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sememangnya bercadang untuk meminda peruntukan-peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pindaan-pindaan ini adalah untuk menyesuaikan akta tersebut dengan keadaan semasa. Walau bagaimanapun, pindaan tersebut masih lagi dalam peringkat kajian dan belum ada keputusan dibuat.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akta Keselamatan Dalam Negeri ada memperuntukkan bahawa arahan menahan order of detention seseorang dibuat oleh menteri selama dua tahun, yang mana ada memberi peruntukan juga supaya review committee yang diketuai oleh seorang hakim untuk mendengar sesuatu kes itu. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada peruntukan ini juga perlu diambil kira dalam pindaan kerana keberkesanananya keadaan itu sekarang ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab kerana ini masih dalam peringkat kajian, maka susahlah untuk saya

mendedahkan apa-apa yang dalam pertimbangan itu kerana kalau sesuatu itu belum diputus secara muktamad, saya bincang di sini, nanti ia akan membangkitkan implikasi yang tidak berapa bersesuaian. Minta maaf!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kerana Dewan yang mulia ini dan rakyat ada diberitahu banyak kali bahawa ISA sedang dalam proses pengkajian. Kenapa mengambil masa begitu lama dan adakah satu tarikh di mana ia akan ditamatkan supaya satu pindaan boleh dikemukakan kepada Parlimen?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini beberapa agensi yang bertanggungjawab sedang cuba menyelaraskan bukan sahaja dipandang dari segi Akta Keselamatan Dalam Negeri sahaja, kita perlu juga melihat apakah implikasinya terhadap undang-undang yang lain, oleh kerana ini adalah satu perkara yang bukan ringan, maka pihak agensi-agensi ini minta masa sedikit, tetapi bukanlah hasrat kerajaan untuk memanjangkan tempoh kajian ini terlalu panjang. Sebaik sahaja mendapat persetujuan maka kita akan mengemukakan pindaan itu.

SIMEN - BEKALAN DAN KAWALAN HARGA

9. **Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bahawa memandangkan pembangunan negara bergerak begitu pesat sekarang ini, di samping mempertingkatkan pengeluaran simen dalam negeri dan juga mengimport dari luar negara; persoalannya apakah langkah-langkah

kerajaan untuk mempertahankan harga simen tidak naik begitu tinggi secara mendadak; dan

- (b) apakah langkah jangka masa panjang yang diambil oleh kerajaan supaya pembekalan simen di negara ini mencukupi dan harganya terkawal.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga simen yang berlaku pada tahun 1995 yang lepas adalah berpunca daripada permintaan melebihi bekalan. Kementerian mendapati pihak-pihak tertentu telah mengambil kesempatan daripada keadaan ini untuk mengaut keuntungan berlebihan dengan menjual pada harga yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh kerajaan.

Bagi memastikan bekalan simen dalam negeri bertambah, kerajaan telah menggalakkan import simen tanpa duti dan membantu pengimport-pengimport mendapat kelulusan mutu dengan seberapa segera. Dengan adanya usaha-usaha ini keadaan kekurangan simen telah dapat diatasi pada akhir tahun 1995. Apabila bekalan bertambah melebihi daripada keperluan harga simen dengan sendirinya bertambah stabil di paras harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah jangka pendek, pertambahan pengeluaran menerusi pembukaan kilang-kilang baru dan projek pembesaran kapasiti oleh kilang-kilang sedia ada sedang dilaksanakan. Setakat ini terdapat tiga projek baru serta dua projek pembesaran kilang bagi pengeluaran simen

dan klinker sedang dalam pelaksanaan. Di samping itu terdapat juga satu projek pengeluaran klinker di Sarawak. Keseluruhan pertambahan pengeluaran simen dan klinker menerusi projek-projek ini adalah berjumlah sebanyak 7.150 juta tan menjadikan jumlah kapasiti pengeluaran simen di negara ini sebanyak 20.82 juta tan dalam tahun 1998. Adalah dijangkakan bahawa dengan pengeluaran sedemikian, bekalan simen negara mencukupi untuk menampung keperluan tempatan hingga tahun 2000 apabila projek-projek baru dan pembesaran tersebut beroperasi sepenuhnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, berdasarkan kepada kesan kenaikan harga simen pada tahun lepas, ramai di antara kontraktor-kontraktor yang mengeluh dan merasakan tertipu. Saya ingin bertanya, melalui penyiasatan dan juga aduan yang diterima oleh kementerian, berapakah syarikat-syarikat pengimport ataupun pengedar yang telah dikenakan tindakan kompaun dan sebagainya dan kalau boleh, bolehkah Yang Berhormat Dato' Menteri menjelaskan bentuk tindakan yang telah diambil kepada mereka?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang menjalankan penyiasatan yang rapi terhadap mereka yang terlibat dalam industri simen. Sebagai misalan, bagi tahun ini iaitu sehingga 4hb. Mei yang lalu, sebanyak 5,074 pemeriksaan telah dilakukan di kilang-kilang simen terhadap pemborong-pemborong dan juga terhadap peruncit yang

berkaitan dengan industri ini. Di antara kesalahan-kesalahan yang telah dikenalpasti ialah mereka berniaga tanpa lesen, menyimpan tanpa kebenaran, tidak mengeluarkan simen untuk dijual, menjual dengan harga yang lebih, melanggar syarat lesen, tiada tanda harga dan juga menyimpan simen lebih daripada had. Jumlah yang telah kita dapati melakukan kesalahan adalah sebanyak 39 dan nilai rampasan yang telah diperbuat adalah sebanyak RM37,142. Jadi, tindakan-tindakan sebenarnya akan diteruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah membenarkan kenaikan harga simen RM1 satu kampak pada beberapa bulan yang lepas apabila pasaran simen dalam keadaan huru-hara dan memandangkan simen adalah satu bahan utama dalam segi pembinaan dan bekalan simen di pasaran sekarang telah menjadi stabil, adakah kerajaan akan menasihatkan pekilang-pekilang simen supaya harga simen diturunkan kepada satu tahap yang munasabah?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi bekalan simen sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi, dengan projek-projek baru dan projek pembesaran yang saya sebutkan hanya akan dapat menampung keperluan dalam negara bagi tahun 1998 dan untuk menampung kekurangan ini, simen perlu diimport daripada negara-negara luar, jadi dengan keadaan itu untuk meminta mereka mengurangkan harga simen tidak berlaku pada masa ini kerana negara masih lagi mengimport simen.

DOKTOR DAN KAKITANGAN HOSPITAL

DI SARAWAK - ELAUN KEDIAMAN

10. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada doktor dan kakitangan Sarawak yang berkhidmat di tempat-tempat lain di Sarawak juga diberi elaun kediaman seperti doktor dan kakitangan Semenanjung yang bertugas di Sarawak, memandangkan mereka juga perlu menyewa rumah; dan
- (b) sama ada doktor MBBS tempatan dibayar gaji yang sama dengan doktor asing yang berkontrak. Apakah kadar gaji mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) elaun perumahan hanya diberi kepada pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Begitu juga dengan pegawai Sarawak yang diarah berkhidmat di Semenanjung mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/87.
- (b) Doktor tempatan MBBS tidak dibayar gaji yang sama dengan doktor kontrak asing.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ramai doktor-doktor pakar di hospital-hospital Sarawak meletakkan jawatan. Bolehkah kementerian memberi sebab-sebab dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan kejadian ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa tidak mungkin dan tidak adil bagi

kerajaan yang harus membuat pertimbangan untuk membayar gaji sama dengan pihak sektor memandangkan bahawa tanggungjawab pihak sektor tidak seperti tanggungjawab oleh kerajaan yang begitu banyak membuat aktiviti atau banyak membuat peningkatan dan memberi kemudahan-kemudahan bertambah dan memberi kemudahan-kemudahan perumahan. Walaupun kita telah berjaya menghasilkan doktor yang terbatas seperti yang dilaporkan dalam banyak laporan-laporan, tidak semestinya kita berjaya menahan mereka keluar memandangkan bahawa kita mempunyai batasan akibat daripada persaingan yang hebat yang kerap kali kita telah menyatakan. Walaupun kita boleh paksa mereka berkhidmat setelah di peringkat housemanship selama 3 tahun perkhidmatan compulsory, dengan izin, tetapi akibat daripada sentiasa terpaksa mengikut pusingan di dalam perkhidmatan yang harus dihantar daripada tempat ke tempat, masalah transfer, dengan izin, dan ini menjadi sebahagian daripada elemen yang menyebabkan mereka kurang senang bekerja terus dengan kerajaan di samping peluang bekerja dengan pihak swasta dengan ganjaran yang tinggi dan peluang untuk terus berdikari membuka klinik sendiri. Jadi, tiada lain jalan melainkan pihak kementerian sedang berusaha dan terus berusaha untuk membuat rundingan dengan pihak JPA dalam soal perkhidmatan gaji.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tahun 1995, seramai 325 doktor dan 42 doktor pakar

meninggalkan perkhidmatan kerajaan untuk menyertai sektor swasta dan keadaan ini meruncingkan lagi masalah kekurangan doktor dan doktor pakar masing-masing kepada 1,042 orang doktor.

Soalan saya ialah adakah pihak kementerian yakin matlamat mengurangkan nisbah doktor kepada penduduk 1:1,500, menjelang tahun 2,000 boleh dicapai dengan wujudnya kekurangan sedemikian pada masa ini dan nyatakan langkah-langkah konkrit yang disusun untuk memastikan matlamat tersebut tercapai? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis langkah yang dilaksanakan oleh kementerian setakat ini walaupun ia merupakan satu langkah yang intrim, dengan izin. Pertamanya, ialah untuk terus memperluaskan bilangan diberi tempat-tempat pengajian perubatan di universiti tempatan selain daripada lima buah universiti yang telah memberi peluang pelajaran yang boleh menghasilkan 400 pelajar lulusan perubatan, dua lagi akan dibina tidak berapa lama lagi, dua lagi universiti akan membuka medical faculty, dengan izin, dan di samping itu kita akan terus terpaksa bergantung kepada mendapatkan khidmat doktor daripada luar selain daripada melihat kepada sistem struktur perubatan yang boleh kita agihkan perkhidmatan primary care yang boleh dilaksanakan oleh pihak swasta, sementara pihak kerajaan dapat menumpu kepada soal penyakit yang lebih berat atau lebih

kritikal di peringkat hospital-hospital besar kerajaan dan di hospital-hospital district.

SEKOLAH-SEKOLAH MUBALIGH DI SERIAN - JUMLAH PERUNTUKAN

11. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah mubaligh di daerah Serian untuk Pembaikan (B.26) dan Bantuan Modal (P.26) dalam tahun 1995.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tahun 1995 yang diberikan bagi sekolah-sekolah mubaligh di Daerah Serian untuk pembaikan di bawah Belanja Pengurusan ialah RM99,776 sementara bagi bantuan modal di bawah Pembangunan ialah sebanyak RM117,200.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, hampir semua sekolah-sekolah mubaligh di daerah saya, Serian adalah dalam keadaan yang amat menyedihkan, usang dan uzur. Soalan tambahan saya, memandangkan peruntukan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah mubaligh ini begitu sedikit, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah mubaligh ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sama ada kementerian akan ambil alih ataupun tidak, banyak bergantung

kepada pandangan dan keputusan ibu bapa di sekolah-sekolah tersebut. Dari segi Kementerian Pendidikan, kita tidak ada masalah.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak sebelum merdeka dahulu, telah banyak sekolah-sekolah di Malaysia ini didirikan oleh Missionary ataupun mubaligh dan sekarang ini kebanyakan sekolah-sekolahnya terutama di Semenanjung telah ditadbirkan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan. Jadi, soalan saya, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menukar nama sekolah-sekolah ini seperti Sekolah Menengah Convent, Sekolah St. Anthony, St. John dan sebagainya kepada nama-nama yang berbau keMalaysiaan ataupun kebangsaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu pun banyak bergantung kepada hasrat ibu bapa di sekolah-sekolah.

ZON PERDAGANGAN BEBAS DI SANDAKAN - PERKEMBANGAN

12. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan apa perkembangan di “Zon Perdagangan Bebas” di Sandakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sabah memang berhasrat untuk mengadakan Zon Perdagangan Bebas di Sandakan tetapi oleh kerana ia memerlukan peruntukan yang besar, Kementerian Perdagangan Perindustrian Negeri Sabah hanya melaksanakan

Kota Kinabalu Industrial Park di Telipok, Kota Kinabalu buat masa ini sahaja. Sekiranya Zon Perdagangan Bebas itu menggalakkan, perancangan untuk di Sandakan akan disusuli kemudian.

Tuan Kamaruddin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan akhir-akhir ini banyak sangat kerajaan-kerajaan negeri meminta supaya diadakan Zon Perdagangan Bebas, saya ingin mendapat penjelasan, apakah kebaikan dan keburukan yang dihadapi dalam melaksanakan Zon Perdagangan Bebas ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kebajikannya, tidak payah cukailah.

[Ketawa]

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Zon Bebas Perindustrian telah diadakan di sebelas buah tempat dan Zon Bebas Perdagangan telah diadakan satu tempat sahaja. Kebajikannya ialah untuk kita dapat membangunkan negara kita dan mengeksport barang-barang komponen sebanyak 8% di Zon Perdagangan Bebas.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, kita tadi mendengar mengenai Zon Perdagangan Bebas di Sabah yang ada di Kota Kinabalu iaitu Kota Kinabalu Industrial Park. Ini telah lama dilaung-laungkan dan kita minta kementerian menjelaskan apakah kedudukan KKIP ini dan juga apakah faedah-faedahnya kepada pembangunan negeri Sabah pada masa ini?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penimbunan telah pun dimulakan di Kota Kinabalu atau pun KKIP ini dan aktiviti kira-kira 30 minggu lagi akan siap. Pada asasnya, aktiviti yang boleh dijalankan dalam zon bebas adalah aktiviti yang berorientasikan eksport yang saya katakan tadi dan sekurang-kurangnya 8% dari hasil pengeluarannya adalah untuk eksport.

Buat masa ini di Kota Kinabalu, kita sedangewartakan tempat ini apabila telah selesai dibuat kerja-kerja tapak dan juga sejumlah wang akan diperuntukkan sebanyak RM125 juta bagi pampasan kepada pemilik-pemilik tanah dan harta benda yang terlibat. Di samping itu, sejumlah RM25 juta telah diperuntukkan untuk penempatan semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sukinam Domo.

[Soalan No. 15 - Y.B. Puan Sukinam Domo tidak hadir]

16. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah cadangan kementerianya untuk melebar, melurus dan membaiki jalan serta jambatan di laluan seperti berikut di Rancangan Malaysia Ketujuh ini, iaitu:

- (a) jalan di kilometer 18 - kilometer 14, Kuala Klawang-Pertang, Jelebu Negeri Sembilan;
- (b) jalan di kilometer 12, Kuala Klawang-Seremban, Negeri Sembilan;
- (c) jambatan kayu di laluan Sungai Muntoh-Kampung Chennah-Kongkoi, Jelebu, Negeri Sembilan (sebanyak 5 buah).

Adakah kementerian beliau sedar bahawa jalan dan jambatan berkenaan telah runtuh/rosak dan dihanyutkan oleh air di masa banjir pada bulan November 1995 yang lalu dan kini terdedah kepada bahaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon

Seng]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jalan-jalan serta jambatan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ulasan kementerian adalah seperti berikut:-

- (a) **Jalan di kilometer 18 ke kilometer 14, Kuala Kelawang-Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.**

Jalan ini didapati berada dalam keadaan baik dan pada keseluruhannya telah diselenggarakan dengan memuaskan. Bilangan kenderaan yang melalui jalan tersebut, mengikut bancian pada tahun 1994 adalah lebih kurang 3,700 kenderaan sehari dengan volume capacity/ ratio, dengan izin, 0.33.

Untuk melebar dan menaikkan taraf jalan pada masa ini adalah tidak sesuai dan ekonomikal atas sebab kos yang tinggi kerana melibatkan pemotongan tebing dan cerun yang tinggi.

Buat masa ini, JKR Negeri Sembilan akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan pavement, longkang, cerun dan tebing dijalankan berterusan dengan peruntukan penyelenggaraan yang sedia ada.

(b) **Jalan di kilometer 22 ke kilometer 12, Kuala Klawang-Seremban, Negeri Sembilan.**

Jalan di bahagian ini memang dirancangan untuk dinaik-taraf dan diluruskan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerja-kerja mereka bentuk telah dijalankan. Permohonan sebanyak RM12 juta telah dipohon kepada kerajaan untuk melaksanakan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

(c) **Jambatan kayu di laluan Sungai Muntoh-Kampung Chennah-Konkoi, Jelebu, Negeri Sembilan.**

Lima jambatan kayu yang terlibat adakah di Jalan Negeri N25 iaitu Chennah/Sungai Muntoh/Konkoi, Jelebu. Pada musim tengkujuh bulan November 1995 yang lalu, dua jambatan kayu telah runtuh akibat banjir yang luar biasa. JKR Negeri

Sembilan sedang mengambil tindakan membaiki jambatan kayu yang terlibat dan memasang jambatan bailey di sebuah lagi jambatan.

Kedua-dua kerja tersebut dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 3 minggu lagi, sekiranya keadaan mengizinkan.

Perancangan untuk menggantikan 5 jambatan kayu yang terlibat kepada jambatan konkrit telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah peruntukan pembangunan negeri. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebuah jambatan iaitu No. 12/5 di jalan tersebut telah siap dibina.

Sementara itu, kerja reka bentuk untuk 4 buah lagi jambatan kayu yang terlibat sedang dijalankan. Tender untuk jambatan-jambatan dijangka dibuat pada lewat tahun ini atau awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13, 14, 15, 17 hingga 41 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh

1996 - 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai satus negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. *[8hb. Mei 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila sambung.

3.35 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Speaker, kelmarin saya ada menyentuh tajuk kuasa Peguam Negara. Bagaimana kuasa itu tidak dijalankan dengan sewajarnya.....

Tuan Noh bin Omar: Point of order.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan point of order sebelum Yang Berhormat dari Jelutong meneruskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order ya?

Tuan Noh bin Omar: Semalam, semasa beliau berucap, saya baca *Hansard* di muka surat 116, beliau ada menyebut;

“Saya mahu dapat tahu daripada kementerian dan saya harap apabila Menteri ada jawab dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri take note....”

Jadi, jelas menunjukkan Yang Berhormat dari Jelutong telah melanggar Peraturan 36(5). Jadi, saya rasa sebagai orang yang didakwa lama, perkataan-perkataan seperti ini dan kesalahan-kesalahan yang ringan seperti ini tidak patut diulangi dan minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik apa itu, Yang Berhormat?

[Disampuk] Nama dia itu?

Tuan Noh bin Omar: Ya, kena sebut Ahli Yang Berhormat dari mana. Tetapi kalau kita sesama kita tidak hormat-menghormati antara satu sama lain, siapa lagi hendak hormat?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama ya. Kadang-kadang kita terlajak selalunya.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada satu lagi. Point of order juga?

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Ya, point of order. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan ini kepada Peraturan 36(4), yang mana jelas menyatakan bahawa seseorang Ahli itu tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Itu Peraturan Mesyuarat 36(6). Peraturan Mesyuarat 36(4) pula, menggunakan bahasa biadab.

Dalam konteks ini, semalam sebelum sahabat saya, Yang Berhormat dari Jelutong, Dewan ini telah begitu kelaru dibuatnya kerana beliau telah ada menyebut, mengikut dalam *Hansard*, muka surat 125, kalau Tuan Yang di-Pertua lihat bahawa Yang Berhormat ini ada menyebut di perenggan di bawah itu,

“Begitu juga bagi kes Rahim Tambi Chik celaka!”

Perkataan “celaka” ini amat mengaibkan kita. Kalau kita dalam Dewan ini menggunakan perkataan “celaka”, saya rasa ini memang kenalah istilah dikatakan biadab. Oleh itu, saya dalam Dewan ini dengan tegasnya memohon kepada Tuan Yang di-Pertua membuat satu keputusan agar Ahli Yang Berhormat yang mengaku beliau ini telah begitu lama dan begitu hebat dalam keadaan tata susilanya dalam ini tarik balik ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya bersetuju perkataan ini ialah satu perkataan yang unparliamentary dan telah pun diputuskan lama. Saya haraplah Jelutong menarik balik perkataan-perkataan ini. **Tuan R. Karpal Singh:** Tuan

Yang di-Pertua, kedua-dua ekor ini sangat slow on the up-take. *[Disampuk]*
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Very slow on the up-take, dengan izin, kerana..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekalian. Sila duduklah! Sila duduk ya. Saya akan buat ruling. Tidak apa. Yang Berhormat dari Tanjong Karang sila duduk!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tarik balik perkataan "ekor" itu.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya. Sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Lebih daripada dua ekor.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan "ekor" pun tidak kena juga. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Jelutong, saya harap Yang

Berhormat dari Jelutong berjaga-jagalah perkataan itu. Yang Berhormat, sila tarik balik perkataan "celaka" dan apa yang dikatakan lagi tadi? Sila tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Dua ekor, tiga atau empat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila tarik balik!

Tuan R. Karpal Singh: Tarik balik ekornya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ada kuasa hendak minta...

Tuan R. Karpal Singh: Baik. Baik Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. Itu tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi atas point of order juga Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi, kedua-dua ini slow on the up-take. Seharusnya ini dibangkitkan kelmarin. Point of order 36(6) ataupun yang lain-lain. Kelmarin, bukan sekarang. Selepas dia tidur, dia bangun baru dia tahu.

[Ahli Dewan Ketawa] Kedua-duanya adalah lawyer.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jaga...

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Kedua-dua lawyer. Apa macam punya lawyer ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: 24 jam selepas saya membuat apa yang tidak mengikut peraturan, baru sekarang selepas 24.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila!

Tuan R. Karpal Singh: Baru dia sedar apa yang dibuat oleh saya adalah melanggar peraturan. What kind of lawyers are these? [*Ketawa*]

Tuan Noh bin Omar: Kalau boleh cakap bahasa Malaysia baik-baik sedikit, kita bolehlah faham.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak mahu buang masa atas kedua-dua ekor ini. Saya mahu meneruskan. Tuan Yang di-Pertua, kelmarin....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini 36(6). Yang kata "ekor" ini apa?

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah tarik balik Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kata lagi baru ini. Baru kata "dua ekor" lagi!

Tuan R. Karpal Singh: Sekarang tiga.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: You hendak saya kurang ajarkah? Kalau saya boleh berkurang kepada Yang Berhormat dari Jelutong, kalaulah Yang Berhormat dari Jelutong boleh menunjukkan satu contoh yang tidak baik, kami semua ini boleh cakap lagi buruk. Jangan ajar

kami macam itu! Saya minta maaf. Yang Berhormat dari Jelutong ini sudah melampau, Tuan Yang di-Pertua. Ingat Malaysia ini kamu punya kah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila! Sila teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh membuat apa yang kamu suka.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila teruskan Yang Berhormat Jelutong!

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong! Yang Berhormat Jelutong, jangan jawab apa-apa. Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Kelmarin Tuan Yang di-Pertua, apabila saya atas tajuk kuasa Peguam Negara dan selepas itu apabila saya ada menggunakan perkataan "celaka" atas Rahim Tamby Chik, Tuan Yang di-Pertua, dia bukan Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu, perkataan "celaka" boleh digunakan ke atas dia kerana dia celaka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya telah buat ruling. Perkataan "celaka" itu terhadap...

Tuan R. Karpal Singh: Ke atas sesiapa pun...?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah buat ruling, tidak boleh dipakai.
Yang Berhormat sila teruskan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau saya kata bapa dia celaka, macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Carry on!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan point of order

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya. Point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan itu Tuan Yang di-Pertua. Point of order saya dulu. An insult to the Malay race. Ketiga-tiga ekor itu tadi. Insult to the Malay race.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Insult to the Malay race.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian ke atas point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ada point of order Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Insult to the Malay race and to Islam.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Islam! Ini Islam!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Islam itu ajaran murni, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan R. Karpal Singh: The Malay race. Ini insult to the Malay race. Malay race, I have no complaint about.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, saya terpaksa menggunakan...

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: On a point of order Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi ketiga-tiga ekor ini menjejaskan the Malay race. Saya teruskan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, saya terpaksa menggunakan kuasa saya. Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan yang mulia ini. Saya minta! Mengikut Peraturan Mesyuarat saya berkuasa meminta Yang Berhormat Jelutong keluar selama dua hari. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, kepada bapa saya, itu semua boleh? Jikalau saya cakap seperti itu, tetapi I will not low myself to that.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat! Saya telah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dengan apa yang disuarakan oleh ketiga ekor itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh membuat keputusan seperti itu. Point of order yang saya bangkitkan. Apa yang disuarakan oleh ketiga-tiga ekor ini, atas itu tidakkah ada tindakan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Silakan keluar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Chalo he!

Beberapa Ahli: Keluar! Keluar! Apa ini?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Chalo he! *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Panggil Polis! *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Keluar! Keluar!

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu! Saya tahu apa keputusannya.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Dewan telah pun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada keputusan lain yang boleh minta Yang Berhormat digantung.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak...

Tuan R. Karpal Singh: Untuk mereka boleh dikekalkan...*[Disampuk]*
Tuan Yang di-Pertua, bolehkah mereka..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Siapa mula?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta saya menjalankan kuasa yang lebih lagikah? *[Disampuk] [Ketawa]* Jikalau Yang Berhormat hendak, saya akan tangguhkan dan membuat satu Usul supaya Yang Berhormat

digantung. *[Disorak]* Saya cuba hendak beri sekurang-kurangnya satu keputusan yang adil.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang disuarakan oleh dia, bolehkah itu dikekalkan? Jikalau boleh saya keluar. *[Disampuk][Disorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk ya! Tetapi benda ini terkeluar mulanya daripada Yang Berhormat sendiri. *[Disorak]*

Tuan R. Karpal Singh: Kalau bapa seseorang, boleh? Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tahu perkara ini tetapi terkeluar daripada Yang Berhormat sendiri. Yang Berhormat sendiri yang berkata kepada mereka itu.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu saya akan tangguhkan buat sementara.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah? Bolehkah Yang Berhormat dari Rompin mengeluarkan perkataan yang dia ada keluarkan? Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat keluar. Yang Berhormat tidak berhak bertanya saya sekarang! Yang Berhormat, saya akan tangguhkan jikalau sekiranya Yang Berhormat tidak mahu menurut perintah saya.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan apa yang harus dibuat oleh seorang Hakim.

Beberapa Ahli: Keluar! Keluar! Keluar!

[Y.B. dari Jelutong dibawa keluar dari Dewan]

Tuan Yang di-Pertua: Sila keluar Yang Berhormat. Jangan bisinglah yang lain. Mintalah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak berucap Tuan Yang di-Pertua! *[Tepuk]* Saya bercakap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada point of order lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Kalau mereka boleh menghormati Dewan sedikit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa pasal?

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia point of order itu?

Tuan Lim Guan Eng: 36(4). Tadi Yang Berhormat dari Rompin, saya amat kesal Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat yang lain-lain. Yang Berhormat dari Yan telah mengeluarkan perkataan yang tidak senonoh dan biadap. Kalau kita ada keadilan dalam Dewan yang mulia ini saya juga minta Tuan Yang di-Pertua menjalankan kuasa untuk meminta mereka meminta maaf, kalau tidak mereka digantung. Serupa juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rompin, saya dengar tadi Yang Berhormat berkata perkataan yang tidak patut juga.

Tuan Lim Guan Eng: Tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik ya!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Alasan yang Yang Berhormat Jelutong kata....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan, jangan bertengkar lagi Yang Berhormat. Jangan berhujah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tarik balik benda yang kurang parliamentary tetapi saya amat merasa kesal dengan cara dia. Itu alasannya. Jadi, saya tarik balik apa yang tidak parliamentary.

Tuan Yang di-Pertua: Ya cukuplah!

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Yan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tidak kata apa. Saya tidak berdosa!

Tuan Yang di-Pertua: Tidak kata apa. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Yan ada keluarkan perkataan "paria".

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tidak kata apa!

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Tanjong Karang pun serupa, ada keluarkan perkataan "celaka".

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak berdosa pun!

[Ketawa]

Tuan Lim Guan Eng: Di sini saya minta Tuan Yang di-Pertua jalankan kuasa secara adil.

Tuan Noh bin Omar: 36(4). Saya pun hendak bangkitkan point of order 36(4) juga.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Mimpi di siang hari! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Noh bin Omar: Saya pun point of order juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya saya tidak dengar apa yang Yang Berhormat dari Yan kata. *[Ketawa][Tepuk]* Saya tidak dengar apa yang Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata. *[Tepuk]* Tetapi saya dengar apa yang Yang Berhormat dari Rompin kata ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tanjong Karang...*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibu sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Tanjong Karang ada menyebutkan perkataan unparliamentary.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, saya tidak dengar. Dia kata, dia tidak mengaku, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ada atau tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada ke tak ada?

Tuan Lim Guan Eng: Ada atau tidak.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, point of order dari....

Tuan Lim Guan Eng: [*Mengganggu*]

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat menggunakan perkataan yang unparliamentary?

Tuan Noh bin Omar: Tidak ada. Saya sudah tidak ingat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, sudah.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau minggu depan *Hansard* ada.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Okaylah, tutuplah jangan main...

Tuan Lim Guan Eng: menunjukkan bahawa dia telah mengeluarkan perkataan unparliamentary

Tuan Yang di-Pertua: Sibulah, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: saya akan membawa sekali lagi berkenaan dengan

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibulah.....

Tuan Noh bin Omar: Bukan kerana tipu, saya tidak ingat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengucapkan tahniah [*Tepuk*] kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

kerana telah membentangkan RMK-7 yang berkomprensif, berpandangan jauh, berwawasan serta pragmatik di Dewan yang mulia ini pada 6hb. Mei.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah sahabat saya dari Sibu hendak mengucapkan ‘tahniah’ kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bertindak tegas mengikut Peraturan Mesyuarat?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah - tidak payahlah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Untuk rekod saya memberi ucapan ‘tahniah’ kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keputusan begitu hebat.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia di bawah pimpinan dinamik dan pragmatik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta persatuan di dalam kerajaan BN baru sahaja berjaya melaksanakan RMK-6 dan RMK-7 ini akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita dan meneruskan kejayaan yang dibawa oleh RMK-6.

Bangsa dunia global telah menghormati dan kagum dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta telah menghantar sekumpulan pakar ke Malaysia untuk mengkaji dan belajar formula kejayaan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara kecil yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil iaitu 18 juta orang sahaja, harus merasa bangga dengan kejayaan politik, ekonomi dan kebudayaan. Sekarang ini adalah masanya untuk semua rakyat Malaysia menumpukan sokongan kepada kerajaan BN dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudian bekerja dengan keras lagi demi untuk berhadapan dengan cabaran era untuk menyeberangi ke abad ke-21 berserta panduan yang disediakan oleh RMK-7.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita merayakan kejayaan ekonomi dan pertumbuhan yang menarik perhatian, kita harus [*bercakap dalam bahasa Mandarin*] iaitu yang bermaksudnya ‘hidup di dalam keamanan dan ingat kepada bahaya’.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan dan kejayaan RMK-6 juga membawa cabaran-cabaran seperti berikut:

- (a) pasaran buruh ketat;
- (b) tekanan inflasi;
- (c) bayaran imbangan defisit;
- (d) membina kapasiti teknologi tempatan;
- (e) wujudnya persaingan “intense” yang lebih daripada globalisation, dengan izin;
- (f) agihan kekayaan yang lebih sama rata;

- (g) pengekalan pembangunan dan pertumbuhan;
- (h) kekurangan tanah yang murah; dan
- (i) kesesakan di dalam infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan cabaran-cabaran yang muncul, kita harus merancang seperti RMK-7 untuk memaksimumkan kekuatan dan membetulkan kelemahan-kelemahan agar kita dapat berhadapan dengan cabaran-cabaran di masa hadapan.

Mengenai kekuatan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan RMK-7, dengan jayanya faktor utama masih juga kestabilan politik, kaum yang harmoni dan kecekapan mengurus ekonomi di bawah Kerajaan Barisan BN. Maka sokongan rakyat terhadap Kerajaan BN masih juga amat penting jika kita ingin menghasilkan sasaran dan kekuatan pembangunan RMK-7 yang mengekalkan kepesatan pertumbuhan dengan kestabilan; menghasilkan transformasi struktur yang lebih jauh; mengekalkan pembangunan yang seimbang; menyediakan sumber tenaga manusia yang kuat untuk pembangunan ekonomi jangka panjang serta persaingan global; menekankan kepada pembangunan sosial dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dan menyediakan untuk pembangunan yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, tiada lagi era pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di Malaysia dapat bergantung sepenuhnya kepada sumber asli yang kaya dan tenaga buruh yang termurah. Tambahan pula pasaran kecil

dalam negeri bagi 18 juta orang penduduk tidak menyediakan persekitaran saiz ekonomi yang kondusif.

Formasi blok perdagangan seperti AFTA, NAFTA, EU dan peraturan duti import, imigresen dan biarpun kesatuan suatu mata wang di dalam kes EU dengan setiap satu blok perdagangan masing-masing telah memerlukan Malaysia untuk menjadi global dengan produktiviti yang tinggi dan keupayaan yang cekap untuk bersaing secara antarabangsa. Dalam era membangunkan industri dan domestik dengan import duti yang tinggi akan sampai ke penghujungnya tidak lama lagi. Maka Malaysia harus merumuskan dimensi-dimensi baru yang berikut di dalam pembangunan kebangsaan kita seperti yang telah saya nyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran dan gagah seperti pemenang iaitu:

- (a) dimensi A berpindah daripada pertumbuhan dorongan import (import driven) dengan izin, daripada dorongan pembawa produktiviti (productivity driven) dengan meningkatkan sumbangan “total factor productivity (TFP)”, dengan izin;
- (b) mengekalkan persaingan dengan menguatkan asas ekonomi serta memperluaskan pasaran global dan memperkuat rombongan industri bersaing.
- (c) mempercepatkan pembangunan sumber manusia;

- (d) memperkuat sains dan teknologi dan pembangunan dan menyediakan dan menggalakkan teknologi penerangan;
- (e) menjadikan sektor-sektor pertumbuhan baru seperti pembangunan sektor perkhidmatan (out ward-oriented), dengan izin.

Strategi perindustrian akan menumpukan kepada pasaran global, operasi dan kapital skala besar-besaran, industri-industri komersil teknologi intensif dan menghidupkan semula sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai globalisasi terhadap ekonomi Malaysia, jika kita menganalisis pelaksanaan pertumbuhan ekonomi negara maju di sekitar dunia, kita mendapati kebanyakan negara maju yang berjaya adalah mereka yang tidak mempunyai sumber asli yang kaya, kecil dari segi tanah dan penduduknya seperti Singapura, Taiwan, Hong Kong, Korea - sedikit di antaranya.

Estet perindustrian di Kuala Baram dekat Miri akan menambahkan lagi pembangunan di Zon Utara di mana industri pelancong sedang berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan siapnya Empangan Hidroelektrik Bakun, bekalan air daripada kebanyakan sungai, tanah murah, sumber asli yang mewah dan politik yang stabil, Sarawak akan menjadi tempat yang sesuai untuk mendirikan industri besar yang mana kita perlu membaiki infrastruktur dengan

cepat dan promosi pasaran yang agresif serta bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, Sarawak akan mengembang lebih terhadap RMK-7.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai jumlah jalanraya yang paling rendah diturap. Sehingga tahun 1995 hanya 0.2 kilomter persegi hingga 10 kilometer persegi tanah, jika dibandingkan dengan 3.2 kiometer di Pulau Pinang, 71 kilometer di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan 9.5 di Selangor - itu terlalu rendah. Semasa RMK-6 Sarawak hanya mempunyai 150 projek perindustrian yang diluluskan daripada 4,297 projek di seluruh negara. Johor mempunyai 986. Pulau Pinang - 514 dan Sabah - 223 projek yang diluluskan dalam tempoh yang sama. Sarawak hanya mempunyai 2.9 doktor per 10,000 orang - kedua terendah di seluruh negara, tidak hairanlah Sarawak mempunyai kadar kematian bayi yang paling tinggi iaitu 19.2 per 1,000 bayi yang lahir di negeri itu.

Populasi yang dibekalkan dengan elektrik untuk Sarawak adalah kedua terendah di negara ini dan pemilik telefon di Sarawak hanya 116.8 talian setiap 1,000 orang - kelimat terendah di seluruh negara. Hak milik kereta dan motosikal bagi Sarawak sejumlah 215 unit untuk 1,000 orang - keempat terendah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut faktor ini untuk mendemonstrasikan bahawa Sarawak memang memerlukan bantuan kewangan persekutuan agar setanding dengan negeri-negeri maju di negara kita. Saya

berpuashati bila mendapati di bawah RMK-7 sejumlah 10,600 hektar dengan kos RM437 juta akan dibangunkan menjadi estet perindustrian yang akan meliputi Kuala Baram dan Timur Laut di Sarawak. Bagaimana pula dengan estet perindustrian di Sibul, bandar kedua terbesar dan pusat rantau tengah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya puashati bahawa di bawah RMK-7, RM6.79 bilion akan diperuntukan untuk membina jalanraya, air paip dan elektrik di Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak, termasuk Pan-Borneo Highway dan Jalan Coastal Trunk Link roads di Sarawak.

Saya berpuas hati bahawa di bawah RMK-7 sejumlah RM20.8 bilion pembangunan akan diperuntukan kepada 4 buah negeri yang disebutkan yang mewakili 30.8% daripada jumlah nasional dan bahagian Sarawak akan naik daripada 5.4% pada RMK-6 kepada 6.7% pada RMK-7.

Tentang pembangunan sektor awam, saya berpuas hati melihat bahawa peruntukan kerajaan persekutuan untuk sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran dalam RMK-7 akan naik daripada RM29.8 bilion, RM14.7 bilion, RM11.138 bilion dan RM2.7 bilion yang berjumlah RM58.5 bilion dalam RMK-6 ke jumlah RM67.5 bilion dalam RMK-7.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penswastan, saya harus mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pasukannya di dalam kerajaan Barisan Nasional kerana telah mencapai program penswastan

di negara kita dengan hebatnya. Program penswastaan mengurangkan tanggungan kerajaan, meningkatkan produktiviti dan persaingan serta menjadi global. Di bawah Privatisation Master Plan, dengan izin, terdapat banyak kaedah yang digunakan seperti MBO, BOO dan BOT.

Saya berpuashati mengetahui bahawa setakat ini jumlah simpanan dalam capital expenditure daripada projek penswastaan berjumlah RM51.6 bilion dan RM6.9 bilion untuk operating expenditure, dengan izin. Sementara itu, penswastaan telah mengeluarkan RM14.1 bilion kepada kerajaan bagi penjualan aset tetap dan RM2.3 bilion dalam cukai corporation dan pasaran capitalisation oleh syarikat swasta di KLSE pada tahun 1995 berjumlah RM1024.7 bilion dengan jumlah penggajian 43,000 orang. Ini adalah pencapaian yang amat unggul.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengatakan beberapa kelamahan yang timbul di dalam program penswastaan yang saya terima daripada aduan orang ramai.

- (a) penswastaan menaikkan kadar pembayaran perkhidmatan; dan
- (b) program penswastaan tidak memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia secara adil. Saya ingin kerajaan menyiasat aduan-aduan tersebut yang mana mungkin benar ke satu tahap dan mewujudkan kebudayaan bahawa syarikat swasta mempunyai obligasi sosial di dalam penambahan untuk membuat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pembangunan pertanian, di sebabkan oleh kekurangan tanah yang sesuai, harga komoditi yang rendah serta pertanian di dalam Growth Domestic Product (GDP) telah turun daripada 18.7% pada tahun 1990 kepada 13.6% ataupun RM7.8 bilion pada tahun 1995. Pembangunan sektor perindustrian juga menggagalkan sektor pertanian kerana buruh dan pemilik/usahawan mendapati lebih keuntungan dan pulangan modal yang cepat di dalam sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, sektor minyak kelapa sawit maju dan menyumbang 41.5% daripada nilai pertanian yang ditambah pada tahun 1995 sementara getah koko dan kayu gergaji (sawn logs) mengalami pertumbuhan yang negatif dalam RMK-6.

Walaupun minyak kelapa sawit Malaysia akan menghadapi persaingan cepat daripada Indonesia yang mempunyai tanah dan tenaga buruh yang besar dan murah, maka Oil Palm Research Institute (PORIM) harus meningkatkan aktiviti R&D untuk mengeluarkan hasil yang membekalkan penggunaan minyak kelapa sawit dan 'mechanisation' hasilan estet kelapa sawit dan promosi pasaran akan kekal di hadapan Indonesia.

Getah, perikanan, ternakan dan lembu memerlukan perhatian juga termasuk pengeluaran beras yang hanya dapat mengeluarkan 80% daripada kehendak rakyat agar import makanan sebanyak RM6.7 bilion pada tahun 1995 dapat dikurangkan.

Polisi pengurusan hutan haruslah diperluaskan untuk mencapai pengeluaran yang berkekalan dengan berkurangnya bahaya kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan dan Latihan. Malaysia adalah sebuah daripada beberapa negara di dunia yang menjadikan pendidikan sebagai keutamaan di dalam pembangunan kebangsaan dan lanjutan kepada Akta Pendidikan Disember dan Januari yang lepas akan meningkatkan lagi pembangunan pendidikan di negara kita.

Pengambilan pelajar-pelajar di dalam RMK-6 mengekalkan peningkatan 19.4% daripada 4.13 juta murid kepada 4.93 juta dan dalam RMK-7 ia dijangka naik kepada 5.67 juta ataupun 15%. Kekurangan guru dan pensyarah masih lagi serius dan langkah yang tepat bagi kerajaan untuk memperbaiki gaji-gaji dan latihan kepada tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, peruntukan perumahan untuk guru-guru di kawasan luar bandar adalah masih lemah dan kurang kerana hanya 7% daripada guru-guru di luar bandar yang mempunyai tempat kediaman. Bilik-bilik darjah masih lagi berkurangan, walaupun 5,280 bilik darjah telah dibina dalam RMK-6 dan masih setengah daripada sekolah-sekolah menengah menjalankan sesi pagi dan petang.

Pada tahun 1995 sekolah rendah dan menengah mengalami kekurangan guru-guru sebanyak 9,780 dan 4,600 masing-masingnya walaupun di dalam RMK-6 - 48,000 guru-guru bukan graduan dan 22,770 guru-guru graduan telah dilatih. Latihan kepada tenaga mahir dan separuh mahir akan naik daripada 145,670 dalam RMK-6 kepada 200,510 dalam RMK-7, ianya masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan.

Kerajaan harus memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia yang layak haruslah diberi peluang yang adil untuk menerima pendidikan pada kos yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati apabila mengetahui bahawa peruntukan pembangunan untuk pendidikan dan latihan dalam RMK-7 akan naik ke RM10.1 bilion daripada RM8.025 bilion dalam Rancangan Malaysia Keenam di mana 45.6% adalah untuk membina sekolah baru dan bilik darjah untuk sekolah rendah dan menengah sementara 35.1% untuk pendidikan tertiary dan bagi kemudahan latihan lain-lainnya.

Saya yakin bahawa objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi yang teguh dan cemerlang di rantau ini akan dicapai.

Infrastruktur - semasa RMK-6 pembangunan jalan termasuk jambatan memperolehi pencapaian yang baik dan jumlah jalan-jalannya telah naik daripada 53,984 kilometer dalam tahun 1990 kepada 64.3 ribu kilometer dalam tahun 1995. Dengan kata lain, jalan yang diturap naik daripada 70% kepada 75.4% semasa tempoh yang sama. Tetapi, dari segi jalan yang di tar, Sarawak hanya mencapai 58.4%, ini ketiga terendah di dalam negara. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucap tahniah kepada kerajaan kerana telah menyiapkan trunk road pertama di Sarawak dengan kos RM459 juta iaitu termasuk Kuching/Batu Kawa/Bau/Lundu, Kuching/Sibu, Sibu/Ulu Batang/Bintulu dan Miri/Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah sebuah negeri tanpa pengangkutan rel. Sudah tiba masanya kerajaan membuat feasibility study, dengan izin, untuk membina landasan rel di Sarawak untuk meningkatkan rangkaian pengangkutan.

Sarawak bergantung sepenuhnya kepada pengangkutan udara tetapi sehingga sekarang, kerajaan menganggap Sarawak seperti satu negeri lain di Semenanjung dengan membenarkan penerbangan antarabangsa untuk terbang di ibu kota negeri sahaja iaitu Kuching. Sudah tiba masanya untuk kerajaan menimbangkan bagi menghubungkan Sibul/Bintulu (selepas lapangan terbang baru dibina) dan Lapangan Terbang Miri kepada penerbangan antarabangsa kerana destinasi dan jalan penghubung di antara Kuching/Sibu/Bintulu/Miri amat jauh dan kurang baik.

Pembangunan telekomunikasi adalah amat cemerlang dengan pengguna 'direct exchange links' telah bertambah daripada 1.5 juta dalam tahun 1990 kepada 3.32 juta dalam tahun 1995 dan dijangka akan sampai kepada 5.576 juta dalam tahun 2000.

Telefon awam telah naik daripada 25,000 dalam tahun 1990 kepada 76,000 dalam tahun 1995 dan 314,000 dalam tahun 2000. Telefon selular naik daripada 78,000 dalam tahun 1990 kepada 700,000 pada tahun 1995 dan dijangka akan mencapai 3.723 juta dalam tahun 2000. Walau bagaimanapun, meningkatkan talian telefon di kawasan luar bandar adalah masih lagi lemah

dengan ramai yang menunggu, waiting list, dengan izin, sehingga lima tahun di kawasan saya, Sibul. Telefon selular sukar untuk disambung kerana kekurangan talian dan kuota pemberian telefon haruslah dikurangkan lagi dan bukan dinaikkan seperti negara jiran kita. Masalah ini haruslah diperbaiki secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, 61% daripada kawasan luar bandar Sarawak menerima bekalan air paip dalam tahun 1995, yang terendah di negara kita dengan Sabah tetapi saya puas hati bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh akan menaikkan kepada 80% tetapi masih lagi yang kedua terendah di negara ini. Saya amat puas hati kerana mengetahui bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh Sarawak akan mendapat projek jalan raya yang utama oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM316 juta. Itu termasuk Jambatan Batang Rajang dan membaiki Jalan Batang-Kayu Malam, Jalan Baru Lingau ke Sebuyau, Jalan Persisiran-Lundu-Simpadi-Serdang Baru dan Jalan Persisiran Matu-Igan-Oya Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati mengetahui sektor swasta Malaysia akan melabur RM25.4 bilion dalam pembangunan informasi super highway dan Multimedia Super Corridor (MMSC) terutamanya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan pelancaran MEASAT pada 13hb. Januari 1996 dan MEASAT II pada Oktober 1996. Perancangan siaran telekomunikasi secara immediate dan simultaneous point-to-point dan point to multipoint dan

perkhidmatan IT akan diadakan di seluruh negara. Saya yakin peruntukan pembangunan yang dijangkakan bagi infrastruktur dan utiliti dalam Rancangan Malaysia Ketujuh berjumlah RM19.23 bilion daripada kerajaan dan RM68.3 bilion daripada sektor swasta yang berjumlah RM87.5 bilion akan membawa persaingan IT ke pinggir pada tahun 2000.

Tentang Sains dan Teknologi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati melihat bahawa pembangunan S&T di dalam sihat dan waras dalam RMK-6 dan akan diperkuatkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya harus mengucapkan tahniah kepada kementerian berkenaan dan agensi-agensinya kerana mereka bekerja kuat dengan dedikasi dan sumbangan terhadap pembangunan S&T.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi maklumat era abad ke-21 akan menjadi era IT dan saya berpuas hati mengetahui bahawa kerajaan akan memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan IT dengan kos pembangunan naik daripada RM1.3 bilion dalam tahun 1990 kepada RM3.8 bilion pada tahun 1995. Tenaga kerja daripada IT adalah masih lagi 7,000 orang kurang dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dianggap sebagai 'think-tank' dan penasihat kepada kerajaan dan MSC di antara KLCC, Putrajaya, KLIA akan menjadi satu

langkah besar terhadap pembangunan IT yang mana akan memperlihatkan bahawa Malaysia boleh buat di peringkat antarabangsa.

Peruntukan sebanyak RM2.3 bilion akan diperuntukkan untuk membangun IT dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan saya yakin Malaysia akan menjadi IT di abad yang akan datang.

Pelancongan, Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan telah berkembang cepat dengan 7.5 juta pelancong dalam tahun 1995 dan dijangka 12.5 juta dalam tahun 2000 dengan resit perjalanan tahunan naik daripada RM4.5 bilion kepada RM9.2 bilion pada tahun 1995 dan dijangka untuk mencapai RM15.7 bilion pada tahun 2000 apabila industri pelancongan akan menggaji lebih kurang 100,000 orang dengan 138.9 ribu bilik, kenaikan yang besar daripada tahun 1995.

Sifat unik Sarawak di dalam keindahan semulajadi dan kebudayaan akan menjadikan potensi utama dan destinasi pelancongan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, maka haruslah dimajukan dengan keutamaan.

Kesihatan, saya ingin kata satu pepatah Cina iaitu kalau rakyat sihat negara maju iaitu “Chan Min Foo Kuo” maksudnya ‘Rakyat Sihat Negara Maju’. Sehingga sekarang kesihatan rakyat Malaysia adalah percuma di hospital kerajaan dan masa telah tiba untuk mereka yang mampu untuk membayar haruslah membayar yuran.

Dari statistik, sampai sekarang Malaysia masih lagi kekurangan doktor - doktor gigi dan pharmacists menjelang tahun 2000 dan saya merayu kerajaan mengambil langkah-langkah dengan secepat mungkin untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat Malaysia, impian mereka adalah untuk mempunyai atap sendiri untuk tempat berlindung. Itu adalah impian setiap rakyat Malaysia. Tetapi, projek perumahan, khasnya perumahan murah masih belum mencapai tahap yang cemerlang dan hebat.

Saya berpuas hati kerajaan telah dan akan memberi perhatian yang berat untuk mengatasi masalah itu dan saya harap kerajaan dijangka membina 800,000 unit rumah di dalam RMK-7 akan dicapai dengan peruntukan RM6.125 bilion dengan kerjasama pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengurusan alam sekitar, Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun mempunyai satu by-product yang kurang baik seperti tanah yang terhakis, pencemaran air dan udara serta sisa racun. Walau bagaimanapun, kita harus cuba berusaha lagi untuk mengurus sumber asli kita seperti hutan yang mana telah diuruskan dengan baiknya serta 59% daripada tanah diliputi oleh hutan dan 72% daripada tanah diliputi oleh hutan dan pertanian. Saya yakin dengan peruntukan RM1.9 bilion di dalam RMK-7 akan menjaga alam sekitar dan meningkatkan pengurusan sumber semula jadi di dalam negara kita dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin membuat komentar sedikit berkenaan parti pembangkang. Parti pembangkang sekarang adalah di dalam dilema. Saya kesal mendengar rentak lama yang sama dari pemimpin-pemimpin pembangkang, terutama sekali DAP di Dewan yang mulia ini yang mana masih mengkritik pemimpin-pemimpin BN demi hanya untuk mengkritik tanpa memberi sebarang alternatif yang berguna kepada polisi dan kejayaan pembangunan BN.

Ada di antaranya berbahas sehingga keluar daripada tajuk dan mencari jalan untuk menikam dan menaikkan sentimen secara peribadi dengan perkataan yang unparliamentary yang perlu ditarik balik. Pemimpin-pemimpin DAP di Semenanjung Malaysia tidak ada mempunyai kepentingan terhadap orang Sarawak di dalam hati mereka dan Ahli Parlimen DAP daripada Sarawak juga terpaksa mengikut mereka untuk mengundi menentang ke atas penambahan kerusi Parlimen bagi Sarawak. Saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hairan, DAP telah mengalami kekalahan yang teruk semasa pilihanraya yang lepas dan saya nasihatkan kepada mereka untuk mengubah taktik dan polisi yang tidak ketentuan atau mereka akan disingkir penuh oleh rakyat yang bosan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia beruntung kerana mempunyai Perdana Menteri yang sentiasa mengambil berat dan mempunyai pasukan yang

kuat di dalam Ketua-ketua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Saya merayu kepada semua rakyat Malaysia untuk memberi sokongan padu mereka kepada Kerajaan BN bagi faedah bersama terhadap kejayaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh dan satu lagi langkah yang besar ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sandakan.

4.46 ptg.

Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi saya peluang berucap pada Persidangan Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai ekonomi di Sandakan.

Di dalam konteks ucapan saya pada hari ini akan menerangkan latar belakang ekonomi di Sandakan di dalam tahun 1980-an dan juga status aliran serta constraints ekonomi yang berlaku di Sandakan.

Di sini, saya mengemukakan beberapa cadangan dan usul untuk mengutuhkan ekonomi di Sandakan di mana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah bekerjasama untuk menghidupkan ekonomi Sandakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan pada suatu masa dahulu adalah salah sebuah bandar yang terkaya di Malaysia mendahului kebanyakan bandar di negara ini, tetapi tidak pada masa kini, kebanyakan daripada hasil hutan yang terdapat pada satu masa dahulu menghasilkan banyak jutawan dalam jangka masa pendek, terutamanya sebelum tahun 1980-an.

Sandakan yang juga terkenal sebagai 'Hong Kong mini' dikunjungi ramai. Adalah dikatakan penyakit ekonomi ini disebabkan oleh Sandakan diwakili oleh pembangkang di peringkat Parlimen selama 2 dekad. Akibatnya, pembangunan Kerajaan Pusat melambatkan usaha Kerajaan Negeri juga tidak membuahkan hasil yang dikehendaki.

Walaupun percubaannya di peringkat negeri telah diusahakan untuk menghidupkan ekonomi Sandakan, tetapi tidak banyak kemajuan yang diperlihatkan. Selaku wakil rakyat yang dipilih untuk mewakili Constituency Sandakan, wakil rakyat Barisan Nasional setelah 20 tahun, saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kerajaan Pusat untuk memberikan sokongan dan bekerjasama untuk menyatukan ekonomi Sandakan supaya dapat mengejar pembangunan dan kemajuan kebangsaan.

Kita tidak boleh mengecewakan penduduk-penduduk Sandakan kerana rakyat Sandakan telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk menunaikan janji-janji dan kita mestilah menunaikannya. Sebenarnya, Sandakan boleh dijadikan model untuk seluruh Sabah dalam meyakinkan rakyat Sandakan bahawa Kerajaan Persekutuan adalah serius dalam memajukan negeri ini dan membawa ekonomi negeri setanding dengan kemajuan kebangsaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan hujah-hujah saya, izinkan saya menyentuh tentang struktur semasa ekonomi Sandakan. Sebelum tahun 1980-an, Sandakan terkenal dengan sumber kayu balaknya. Kini,

Sandakan terkenal dengan tanah subur dan keluasan tanah untuk aktiviti-aktiviti perladangan.

Mungkin Malaysia adalah satu di antara negara yang sedikit yang maju dengan sumber asli yang kaya. Ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan kerajaan yang dicontohi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pasukan Yang Amat Berhormat, ketua-ketua di dalam Kerajaan Barisan Nasional, Persekutuan dan negeri telah membawa pembangunan yang hebat terhadap ekonomi Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan beliau terhadap RMK-7 dengan jelas mengatakan bahawa untuk Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang sihat kita harus ke antarabangsa dan memainkan peranan yang hebat di dalam pembangunan global pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi mega trend bahawa pusat bagi ekonomi yang cepat di dekad yang akan datang adalah di Asia. Dan Malaysia berada di tengah-tengahnya. Jika Singarpura dapat memindahkan Jurong Industrial Park, Ke Su Zou di Cina dan Galore di India dan Pulau Batam di Indonesia, Mekong Delta di Vietnam, saya yakin bahawa Malaysia juga dapat memindahkan Penang Electronic Park atau Kulim High-Tech Park ke negara-negara lain yang kurang membangun.

Pelabur-pelabur asing selalu berhijrah dari satu negara ke satu negara lain untuk memancing insentif-insentif yang terbaik. Satu contoh yang jelas

ialah industri tekstil, yang berhijrah dari USA ke Jepun, kemudian ke Korea dan sekarang ke Indonesia, China dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, maka jalan untuk mengekalkan pelabur asing di Malaysia, ialah kita harus berpindah dari intensif buruh murah kepada intensif kapital dan hi-tech sepertimana yang dilakukan oleh negeri Pulau Pinang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kepentingan pengguna-pengguna di negara kita, kejayaan kereta nasional kita, contohnya Proton adalah sebahagiannya disebabkan oleh duti import yang berat - 200% terhadap kereta-kereta import. Adalah tidak dapat dielakkan langkah-langkah dan perlindungan yang diambil jika kita mahu membangunkan industri perkilangan kereta kita daripada bawah. Tetapi pada masa akan datang apabila Malaysia harus mengurangkan ataupun menghapuskan sepenuhnya duti import ke atas barangan import agar dapat kekal sebagai pemain hebat di dalam perkembangan global di bawah trend pasaran global bebas.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang sama suara pengguna-pengguna yang menjadi majoriti populasi akan menutup pembelian yang lebih baik agar dapat membeli keluaran yang terbaik pada harga yang termurah. Ini berlaku di negara-negara telah membangun Barat, di mana harga kereta buatan tempatan ataupun import akan lebih murah jika dibandingkan dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, maka program perindustrian kita harus menumpukan tempoh yang paling singkat untuk meningkatkan teknologi SMI domestik yang kuat untuk membekalkan komponen-komponen yang mana dapat dicapai dengan memperkuat peraturan-peraturan ataupun membeli SMI dengan teknologi daripada negara-negara asing. Satu daripada faktor yang menyumbang kepada bayaran imbalan defisit ialah 'outflow of fund' dengan izin, di dalam bentuk dividen-dividen dan pembayaran pengurusan oleh syarikat-syarikat asing di Malaysia. Maka amatlah penting untuk mengenal pasti jenis industri tempatan yang dapat kita bangunkan segera dengan mengambil kesempatan daripada sumber asli yang banyak, bekalan tenaga dan yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perindustrian ialah kekuatan utama untuk pembangunan ekonomi negara. Pertumbuhan sektor perindustrian semasa RMK-7 adalah 13.5% setahun, dan pada akhir RMK-6 ialah melebihi 33.1% daripada keseluruhan jumlah keluaran kasar domestik Malaysia. Amat mengharukan apabila melihat pertumbuhan 'the non resort base' di dalam sektor perindustrian mencapai keputusan pertumbuhan 18.3% setahun lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, barangan perindustrian eksport naik daripada RM46.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM147.5 bilion pada tahun 1995, pertumbuhan sebanyak 25.8% setahun. Semasa RMK-6 terdapat 4,297 projek

perindustrian diluluskan dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM116.2 bilion yang terdiri daripada RM54.6 bilion pelaburan domestik dan RM61.6 bilion pelaburan-pelaburan asing - kadarnya ialah 40% ke 60%. Disebabkan oleh persaingan daripada pelabur-pelabur asing, Malaysia hanya menjangka pertumbuhan ekonomi sebanyak 10.7% setahun di dalam sektor perindustrian di dalam RMK-7, dan kadar domestik serta pelaburan-pelaburan asing sehingga 60% kepada 40%.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat puashati melihat RMK-7 akan mempercepatkan pembangunan infrastruktur untuk negeri yang kurang membangun seperti Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang berada di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sebagai Wakil Rakyat dari Sarawak, saya harus mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak di bawah pimpinan dinamik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan persatuannya dan dasar polisi pembangunan telah membentangkan master-plan atau pelan induk yang hebat untuk mengindustrikan negeri terbesar di Malaysia, Sarawak yang telah mula berjaya dengan cepatnya; taman industri hi-tech “SAMA Jaya” di Kuching telah dengan jayanya menyambut beberapa korporat-korporat elektronik besar untuk mendirikan plant-plant di Kuching, sementara dua kilang pulpa dan kertas akan didirikan di Bintulu. Estet perindustrian Sibul dan peningkatan perindustrian pembinaan perkapalan dan estet perindustrian

perkayuan Tanjung Manis akan mengembangkan lagi pertumbuhan ekonomi di rantau tengah negeri Sarawak.

Secara keseluruhan, ekonomi Sandakan adalah secara primary dengan diutamakan oleh pertanian dan perikanan. Aktiviti-aktiviti sekunder tertumpu kepada bahan-bahan balak dan bahan-bahan makanan, manakala aktiviti-aktiviti ditumpukan kepada pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian adalah sumber pendapatan utama dengan minyak kelapa sawit tanaman utama dan koko sebagai tanaman kedua. Kebanyakan adalah estet-estet milik syarikat swasta yang kebanyakan beribu pejabat di Semenanjung Malaysia. Yang dibangkitkan ialah estet-estet tersebut tidak memanfaatkan penduduk tempatan kerana lebih daripada 95% pekerja-pekerja adalah pendatang. Selain mengirim upah, mereka balik ke negara asal mereka sama ada ke Indonesia atau ke Filipina. Pemilik-pemilik estet yang datang dari Semenanjung mengirim keuntungan mereka ke ibu pejabat mereka di Semenanjung Malaysia. Difahamkan juga, beberapa syarikat swasta ini mengimport keperluan-keperluan mereka seperti baja dari Semenanjung Malaysia untuk menolong ekonomi Sandakan. Estet-estet besar patut menggalakkan melibatkan diri dalam industri bawahan, downstream, dengan izin. Kerajaan juga patut menggalakkan pelabur-pelabur menanam tanaman secara besar-besaran seperti nenas, mangga, durian dan rambutan di Sandakan. Untuk menolong industri ini, kerajaan patut menubuhkan kilang-kilang buah-

buah sendiri atau usaha sama dengan sektor swasta dalam mengeluarkan makanan untuk dieksport ke Semenanjung Malaysia atau keluar negara kerana potensi untuk barangan-barangan tersebut adalah tinggi. Jika industri ini dikelolakan dengan baik dengan bantuan kerajaan, peladang-peladang tempatan akan mendapat manfaat daripadanya secara ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan terkenal dengan sumber ikannya yang kaya. Contohnya, Sandakan mengeluarkan 60% daripada udang dan satu pertiga daripada ikan yang terdapat di negeri ini. Walau bagaimanapun, industri ini semakin merosot oleh sebab penebangan yang berlebihan dan kekurangan pengetahuan dan teknologi dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar aktiviti-aktiviti pembuatan di Sandakan tertumpu kepada pemprosesan kayu-kayan serta pemprosesan kelapa sawit. Ada beberapa kilang memproses minyak kelapa sawit di Sandakan. Pada tahun 1994, 18 projek pembuatan telah diluluskan tetapi tiada sebuah pun beroperasi sehingga sekarang. Keyakinan pelabur-pelabur merosot kerana kekurangan infrastruktur yang baik, kekurangan bekalan elektrik, kos pengangkutan yang tinggi dan maklumat-maklumat tentang tanah sesuai berkurangan serta tiada insentif pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan kaya dengan alam sekitar yang menarik untuk pelancongan seperti Pusat Pemuliharaan Orang Utan, Pulau Penyu dan Sungai Kinabatangan yang terkenal dengan monyet probosi serta dengan Gua

Momantung. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan ini amat mengecewakan. Contohnya, pelancong-pelancong yang pergi ke Pusat Pemuliharaan Orang Utan di Sebolok, hanya dapat melihat Orang Utan ini semasa makan tengahari dan lewat petang. Tidak ada aktiviti-aktiviti lain atau kemudahan-kemudahan yang terdapat untuk pelancong-pelancong yang ingin beristirehat di sini. Ada banyak lagi tempat-tempat pelancongan yang berpotensi yang dapat dimajukan dan pihak swasta patut dibantu oleh kerajaan dalam memajukan kawasan-kawasan berpotensi ini seperti bahagian hutan tropika, pulau-pulau di luar pantai Sandakan termasuk Pulau Berhala, Pulau Seringan dan pulau-pulau di sekitarnya serta pantai-pantai.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan muda-mudi telah dan akan berpindah dari Sandakan untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik kerana di sini kekurangan pekerjaan untuk mereka dan kekosongan mereka diganti oleh pendatang-pendatang khasnya dalam sektor pertanian. Cukai levi kepada tenaga buruh asing secara tidak langsung meningkatkan kos pengeluaran secara am.

Jalan raya dan kemudahan-kemudahan pelabuhan juga kekurangan. Adalah difahamkan bahawa pelabuhan di Sandakan dapat menampung kontena 20 kaki sahaja dan melambatkan perkembangan industri kelapa sawit di sini. Keadaan jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar lain, walaupun maju

sedikit baru-baru ini adalah tidak conducive untuk perjalanan jauh. Jalan-jalan raya di sekitar bandar juga mengalami nasib yang sama.

Masalah bekalan air dan elektrik memerlukan penyelesaian jangka panjang. Keadaan sekarang tidak menampung pertumbuhan jika kilang-kilang dibina di Sandakan. Kerajaan patut membekalkan infrastruktur yang diperlukan supaya pelabur-pelabur berkeyakinan untuk melabur dalam ekonomi di sini. Tambahan pula Lembaga Elektrik Sabah mengenakan kos yang tinggi untuk pemasangan yang menyebabkan pelabur-pelabur kecil menarik diri dalam pelaburan mereka. Walau pun ini melibatkan seluruh Sabah tetapi keadaan di Sandakan adalah serius kerana faktor-faktor lain yang menghalang kemajuan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan setempat adalah perkara keyakinan politik dan inisiatif yang berterusan. Konstrain-konstrain yang dihadapi oleh Sandakan yang dinyatakan di muka depan cadangan bahawa harus dilakukan melalui inisiatif ekonomi dan politik. Langkah-langkah affirmative patut diambil oleh kedua-dua Kerajaan Pusat dan negeri untuk membangkitkan ekonomi bandar ini supaya penduduk bandar Sandakan dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan seperti yang dinikmati oleh bandar-bandar lain di negara ini. Cara yang cepat dan berkesan untuk menghidupkan ekonomi Sandakan adalah menganggap bandar ini dan kawasan-kawasan sekitarnya sebagai kawasan pembangunan ekonomi istimewa atau special economic development district, dengan izin.

Dengan perhatian istimewa oleh kerajaan sebagai kawasan membangun yang maju ini sejajar dengan tindakan kerajaan terhadap Pulau Langkawi dan Wilayah Persekutuan, Labuan. Oleh itu, langkah-langkah wajar haruslah

diambil oleh kerajaan untuk menghidupkan ekonomi Sandakan. Membenarkan status Zon Bebas Cukai kepada Sandakan, langkah ini bertujuan memperkukuh kekuatan tradisi Sandakan sebagai pusat perdagangan di pantai timur negeri Sabah. Oleh sebab kebanyakan penduduk Sandakan telah terlibat dalam aktiviti perniagaan, manfaat itu adalah berkesan dengan membenarkan status Zon Bebas Cukai akan memperkukuhkan kedudukan pantai ini sebagai destinasi pelancongan dan pintu masuk ke Borneo. Oleh sebab Sandakan terletak di pusat kawasan BIMP/EAGA, maka ada kemungkinan besar Sandakan yang dikenali sebagai mini Hong Kong dijadikan pusat beli-belah di Asia, menggantikan Hong Kong selepas 1997.

Perdagangan Belfast di antara negara-negara Asian akan menjadi kenyataan menjelang tahun 2003 dengan pelaksanaan AFTA dan negara-negara dunia mengurangkan halaman tarif selaras dengan kehendak WTO. Maka status Zon Bebas Cukai adalah langkah-langkah penting yang dapat menghidupkan ekonomi di Sandakan. Walau bagaimanapun, bandar Sandakan dapat bertambah maju dengan pelaburan ini untuk mengasaskan pertumbuhan dan menyakinkannya sebagai kawasan pelancongan dan pelaburan dalam masa yang singkat.

Kini semua penumpuan dan pelawat asing yang ingin meneruskan perjalanan terpaksa turun di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu dan bagasi mereka diperiksa di Kota Kinabalu, oleh itu mereka terpaksa menunggu

penerbangan seterusnya ke Sandakan. Ini menimbulkan kesusahan kepada penumpang-penumpang yang meneruskan perjalanan ke Sandakan.

Mempertingkatkan lapangan terbang Sandakan kepada status antarabangsa akan menjadikan bandar ini sebagai pintu masuk pantai timur Sabah. Ini akan membawa kemajuan dan pembangunan kepada industri pelancongan tempatan dan menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pusat kemajuan. Lapangan terbang antarabangsa Sandakan akan menolong menyokong Sandakan sebagai Zon Bebas Cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peranan Sandakan sebagai pusat perdagangan tradisional para peniaga di bandar akan berhubungan luas dengan peniaga-peniaga di luar negeri. Perkenalan ini akan menolong mempromosikan Sandakan sebagai destinasi pelaburan asing. Walau bagaimanapun, polisi Imigresen perlu diberikan kebebasan untuk mewujudkan pengurangan kemasukan modal dan sumber tenaga ke negeri ini.

Banyak negara seperti Singapura, Australia dan New Zealand menerusi pelaburan asing dan tenaga mahir melalui polisi Imigresen yang bersesuaian dengan keperluan mereka termasuk membenarkan para pemastautin kepada pelabur-pelabur asli dan profesional. Ini timbul daripada tekanan di seluruh dunia tentang pentingnya pelabur asing, usahawan-usahawan dan tenaga buruh mahir dalam pembangunan negara. Sandakan dapat maju dengan menggunakan sumber-sumber yang ada untuk kemajuan dan tabung pelaburan

dapat diperolehi daripada pengagihan permohonan PR yang berjaya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan jalan-jalan raya kini adalah penting, pembinaan jalan-jalan raya baru juga harus diberikan perhatian, khasnya tentang usul ini:

- (a) pembinaan jalan lintas Sibuga-Sandakan;
- (b) menambahkan Jalan Labuk-Sandakan;
- (c) membina jalan pantai dan bandar ke lapangan terbang; dan
- (d) pembinaan jalan Beluran-Separ.

Sandakan perlu memperbanyakkan rangkaian jalan raya untuk menampung bilangan lalu lintas yang semakin bertambah dan aktiviti-aktiviti perindustrian yang berlaku di kawasan perindustrian Siguntu dan kawasan perindustrian Batu Sapi.

Saya mencadangkan supaya pembinaan jalan lintas Sibuga untuk menghubungkan kompleks Batu Dalat-ITC di Siguntu ke pelabuhan di Karamunting untuk mengalihkan kenderaan berat daripada melalui jalan raya di bandar dan merosakkannya, kerana pada masa kini, inilah satu-satunya jalan ke pelabuhan. Cadangan ini telah ditangguhkan beberapa kali sejak Rancangan Malaysia Ketujuh disebabkan kekurangan kewangan besar, oleh itu saya merayu kepada Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan cadangan ini pada tahun ini disebabkan aktiviti-aktiviti perindustrian semakin giat di Sandakan.

Penekanan hendaklah diberikan kepada kedua-dua cadangan tersebut ialah melebarkan Jalan Labuk dan pembinaan Jalan Beluran - Separ. Nampaknya peruntukan untuk kedua-dua cadangan hanya untuk penyelarasan

dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Oleh sebab pentingnya kedua-dua jalan ini sebagai perhubungan utama, menghubungkan bandar-bandar utama di negeri ini Kerajaan Pusat digesa memperuntukkan kewangan untuk pelaksanaan fizikal dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan bukan destinasi terkenal di Malaysia, keadaan bandar ini bukan seperti di Langkawi atau Labuan 10 tahun dahulu, dengan promosi yang tertumpu tidak ada sebabnya seperti bandar-bandar lain. Kerajaan Pusat dapat menolong dalam hal ini dengan menumpukan perhatian terhadap bandar ini sebagai pusat perkembangan secara global. Ini dapat dicapai dengan melaksanakan pembangunan khas dan mengelolakan acara-acara istimewa yang dapat memperkenalkan bandar Sandakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Bandar ini memerlukan perhatian khas untuk bangun daripada kelembapan ekonominya. Dalam konteks ini adalah diharapkan bahawa dengan penubuhan kementerian-kementerian kerajaan di bandar-bandar itu akan ada peransangan ekonomi di bandar-bandar berkenaan. Di Sabah hampir semua kementerian dan ketua-ketua jabatan kerajaan ditumpukan di Kota Kinabalu. Usahawan-ushawan tempatan dan pelabur-pelabur asing akan pergi ke Kota Kinabalu, tetapi bandar-bandar lain seperti Sandakan dan Tawau, Serian, mereka diabaikan. Di Sandakan bahawa untuk mengimbangkan pergerakan pelawat-pelawat ke seluruh negeri Sabah, beberapa kementerian atau jabatan kerajaan patut dipindahkan ke bandar-bandar lain, seperti Sandakan dan Tawau. Di Sandakan, industri-industri utama selain pembalakan adalah pertanian dan perikanan. Kementerian berkenaan atau ketua-ketua jabatan patut ditumpukan di Sandakan. Ini akan menolong

industri perhotelan dan restoran apabila lebih banyak pelawat datang ke Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Wakil Parlimen bagi constituency Sandakan, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memainkan peranan yang lebih aktif dan melibatkan secara gigih dalam menghidupkan ekonomi Sandakan yang masih lemah. Dengan sokongan rakyat memilih Wakil Parlimen dan ADUN dari Barisan Nasional, saya percaya komitmen dan sokongan Kerajaan Pusat akan membolehkan Sandakan maju setapak demi setapak setanding dengan tempat-tempat lain di Malaysia supaya kenyataan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berindustri pada tahun 2000 untuk mencapai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Rancangan Malaysia Ketujuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Labuan.

5.13 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berbangga dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di bawah pimpinan beliau Malaysia kini mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat pesat. Ini terbukti dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh pada hari Isnin lalu, yang mana

apabila kita mengimbas kembali pencapaian negara bagi tempoh lima tahun lepas ternyata kita jauh mengatasi sasaran.

Pertama, ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar pada kadar 8.7% setahun mengatasi sasaran RMK-6 yang disemak semula, iaitu 8.1% setahun. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini sekaligus meningkatkan pendapatan per kapita kepada RM9,786 pada tahun 1995 daripada RM6,099 pada tahun 1990. Angka tunjuk ekonomi negara ini amat memberangsangkan, dan ekonomi Malaysia boleh disifatkan sebagai dalam keadaan selesa walaupun memerlukan lebih usaha untuk mempertingkatkan ke tahap yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, kemantapan sektor iktisad negara mungkin kerajaan menumpukan perhatian yang lebih kepada lain-lain bidang. Pada hemat saya, di samping menjayakan lagi sektor ekonomi, pihak kerajaan perlu juga memikirkan bahawa kepesatan dan kemajuan yang dialami kesan dari pertumbuhan pesat ekonomi perlu diseimbangkan dengan berbagai faktor demi menjamin kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, khusus dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh kali ini, saya ingin menumpukan perbahasan saya kepada agenda-agenda yang ada hubung kait dengan pembangunan Pulau yang saya wakili. Semenjak Labuan diiktiraf sebagai pusat kewangan luar pesisir, iaitu pada tahun 1990, pembangunan yang diterimanya amat memberangsangkan, dan

berbagai kemudahan prasarana ataupun infrastruktur diwujudkan. Antaranya ialah sistem pembetulan yang diberikan keutamaan oleh kerajaan. Air dan elektrik telah pun diperbaiki. Pembinaan sekolah antarabangsa, jalan raya, lapangan terbang, kemudahan perubahan, sistem telekomunikasi yang baik dan beberapa lagi yang mana kesemuanya dibangunkan untuk memenuhi keperluan asas IOFC dan masyarakat Labuan yang terdiri daripada komuniti antarabangsa dan masyarakat tempatan.

Misalnya, sehingga kini terdapat 678 buah syarikat luar pesisir, 49 buah bank syarikat. Dari jumlah tersebut merupakan bank-bank luar pesisir dan antara pemegang lesen perbankan tersebut termasuklah 7 buah bank Malaysia serta bank-bank terbesar yang terkemuka di dunia seperti Jepun, Hong Kong, Singapura, Jerman, Netherland, Perancis, Switzerland, United Kingdom dan juga Amerika Syarikat. Perkembangan ini amat memberangsangkan pertumbuhan ekonomi Labuan dan memberikan banyak manfaat kepada masyarakat perdagangan dan juga rakyat tempatan. Walau bagaimanapun, menjelang Rancangan Malaysia Ketujuh dan telah termaktub di dalamnya bahawa usaha yang lebih giat lagi akan digarab supaya Labuan menjadi lebih maju sebagai pusat kewangan luar pesisir yang terunggul di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi impian tersebut, Wilayah Persekutuan Labuan terlebih dahulu perlu diperlengkapkan dengan kemudahan-kemudahan dalam berbagai aspek untuk menjayakan lagi matlamat tersebut.

Dan dalam usaha menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau dan pusat kewangan luar pesisir yang dinamik dan cemerlang, beberapa langkah segera perlu diambil oleh pihak kerajaan kerana Labuan masih kekurangan dalam beberapa aspek atau prasarana yang boleh memungkinkan matlamat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan pada ketika ini tidak dapat dinafikan berkembang dengan pesat. Dari sebuah pulau yang terpinggir dan terpencil, kini Labuan membangun hasil usaha dan bantuan daripada pihak kerajaan dan sokongan swasta. Walaupun Labuan menerima pembangunan yang sempurna, Labuan memerlukan kemantapan dan keutuhan dalam beberapa perkara supaya ia tidak menghadapi masalah untuk muncul sebagai sebuah pusat luar pesisir yang berdaya saing dan dinamik. Labuan ketika ini menghadapi krisis tenaga pekerja mahir dalam banyak bidang. Ada banyak faktor yang menerbitkan masalah ini. Antaranya ialah pembangunan Labuan diusahakan dalam tempoh yang agak lewat sedikit.

Sehubungan dengan itu, Labuan tidak dapat menyediakan banyak tenaga mahir dari kalangan rakyat tempatan dalam pelbagai bidang dalam tempoh yang singkat ini. Justeru itu, Labuan begitu mengharapkan tenaga mahir daripada luar pulau tersebut, namun lokasi Labuan dan kurang promosi terhadap potensi Labuan menyebabkan proses menarik minat tenaga mahir agak terbantut. Isu kekurangan tenaga mahir perlu mendapat perhatian kerajaan dalam rancangan negara membangunkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir di masa

hadapan. Dan krisis ini jelas akan memberi kesan kepada kelancaran program tersebut.

Saya amat bersetuju sekiranya pihak kerajaan menyediakan suasana pekerjaan dan tempat tinggal yang lebih selesa dan menarik serta meningkatkan prasarana yang diperlukan di Labuan, namun pihak kerajaan juga harus memastikan bahawa segala kemudahan dan prasarana ini mampu menarik lebih ramai tenaga mahir untuk berkhidmat di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu yakin bahawa Pulau ini akan berkembang seperti yang dirancangan. Tetapi Labuan perlu dibekalkan dengan beberapa kemudahan lain untuk memudahkan dan melicinkan lagi setiap urusan yang melibatkan masyarakat perdagangan antarabangsa.

Saya mencadangkan supaya kekerapan penerbangan di Labuan dipertingkatkan dan kos tambang pengangkutan tersebut dikurangkan, memandangkan sistem pengangkutan udara adalah satu-satunya pintu masuk untuk ke Labuan - kekerapan penerbangan perlu dipertingkatkan bagi memenuhi tuntutan aktiviti dan apa yang berlaku ketika ini ialah kekurangan penerbangan amat menghadkan kelicinan aktiviti penerbangan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan supaya kerajaan dapat berunding dan mengusahakan agar dapat mengadakan penerbangan terus (direct flight) daripada Singapura, Hong Kong dan Tokyo ke Labuan buat pertamanya dan ini adalah antara faktor penting dalam konteks pembangunan IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sekiranya tambang penerbangan dikurangkan, memperbanyakkan penerbangan terus ke pulau tersebut, ditambah dengan kekerapan serta peningkatan promosi terhadap Labuan, pulau ini akan muncul sebagai sebuah pulau pelancongan yang bakal menarik perhatian pelancong dunia. Kadar tambang yang tinggi dan kekurangan penerbangan ke Labuan mengakibatkan pulau ini kurang mendapat perhatian daripada para pelancong mahupun di kalangan pelabur dan saya mengambil kadar penginapan di hotel-hotel sebagai kayu pengukur dan sehingga hari ini walaupun telah hampir 6 tahun Labuan diiktiraf sebagai IOFC, kadar penginapan di hotel-hotel amat rendah, iaitu di tahap 49% sahaja dan ada hotel-hotel yang kurang daripada 30% kadar penginapannya.

Tuan Yang di-Pertua, kelembapan ini juga adalah kesan dari kurangnya kemudahan dan daya tarikan pelancong di sana. Labuan memerlukan lebih usaha untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan, selain daripada sebagai sebuah pusat IOFC. Dan untuk itu, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat membuka pejabat cawangannya di sana dan bagi membolehkan usaha kerajaan ini dapat disokong dan dapat memajukan Labuan sebagai sebuah pusat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menurunkan kadar tambang dan meningkatkan kekerapan penerbangan ke pulau itu, kerajaan juga harus membantu Labuan dalam mengatasi masalah kenaikan kos tempat tinggal,

barangan dan perkhidmatan di Labuan yang melambung tinggi. Faktor ini menyebabkan Labuan dikenali sebagai sebuah pulau pelancongan yang agak mahal. Hakikatnya Labuan adalah sebuah pulau yang mempunyai keindahan semulajadi yang dikelilingi oleh beberapa buah pulau kecil yang boleh dibangunkan sebagai pusat peranginan dan berupaya menarik pelancong. Namun, kurangnya kemudahan ini dan kos pelancongan yang tinggi mengakibatkan ia tinggal sebagai sebuah pulau yang tidak mendapat perhatian dan pulau pelancongan yang mahal. Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak kerajaan dapat memberi perhatian yang lebih terhadap pembangunan Labuan sebagai sebuah pusat pelancongan setara dengan peranannya sebagai sebuah pusat IOFC dan kawasan bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dalam ketiga-tiga aktiviti ini memberikan kesan ke atas satu sama lain dan membantu mengukuhkan Labuan sebagai pulau yang turut menyumbang dalam perbendaharaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin mengusulkan beberapa cadangan untuk mengatasi isu-isu yang ditimbulkan tadi dan beberapa insentif perlu dibuat untuk Labuan melahirkan sekumpulan tenaga mahir yang berupaya mempromosikan pelancongan di Labuan, justeru mengisi keperluan tenaga mahir di pulau ini. Segala masalah yang dialami oleh Labuan dapat diatasi sekiranya kita dapat merangsang peningkatan penawaran dan

permintaan di sana dan untuk itu beberapa insentif perlu diberi pertimbangan demi kemajuan dan dinamika pulau tersebut:

- (i) kerajaan harus menimbang semula pelepasan cukai kastam sebanyak 50% ke atas kereta kepada sesiapa sahaja yang melibatkan diri dalam IOFC, pelancongan dan kakitangan kerajaan yang berhasrat membawa pulang kenderaan mereka dari Labuan setelah berkhidmat di sana, termasuklah kalau ada rakan-rakan Ahli Parlimen yang ingin berurusniaga di sana nanti.
- (ii) pihak kerajaan menarik balik 'approve permit' (AP) bagi pengimportan kereta yang dibawa masuk ke Labuan. Langkah ini bukan sahaja akan mengurangkan harga kereta ia juga akan merangsangkan Labuan supaya muncul sebagai pengedar kereta di rantau ini ataupun sebagai pusat automobil supermarket. Ini juga selari dengan kedudukannya sebagai sebuah pulau bebas cukai.
- (iii) pengecualian cukai kastam untuk membawa keluar barangan dari Labuan iaitu dari tempoh 72 jam dikurangkan kepada 24 jam dan kerajaan juga perlu meningkatkan nilai barangan diperiksa dari dikenakan duti iaitu daripada nilai RM500

kepada RM1000 sebagai daya tarikan tambahan kepada para pelancong;

- (iv) pengurangan 50% cukai pendapatan kepada individu yang melibatkan diri di pulau tersebut dalam IOFC, industri pelancongan dan kakitangan kerajaan dan perkara ini perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di sana;
- (v) pihak kerajaan harus mengurangkan cukai jalan sama seperti yang dilaksanakan di Pulau Langkawi iaitu 50% kurang daripada cukai jalan yang dikenakan di Semenanjung Malaysia;
- (vi) kerajaan hendaklah menghapuskan levi sebanyak RM100,000 ke atas pembelian premis oleh aktivis luar pesisir dari luar negara untuk mengurangkan kos operasi serta kos taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keenam insentif ini amat diyakini dapat menarik lebih ramai tenaga pekerja, sama ada daripada dalam dan luar negara untuk berkhidmat di Labuan memandangkan Labuan merupakan sebuah pulau yang agak jauh, segala kemudahan dan insentif ini amat-amat diperlukan untuk menarik minat mereka menyertai program, justeru menjadikan IOFC lebih lancar dan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir, tidak dinafikan bahawa ianya mendapat sambutan daripada institusi kewangan antarabangsa. Dengan pelbagai prasarana dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan, sektor kewangan menjadi lebih dinamik, institusi kewangan termasuklah bank-bank luar telah mengaut keuntungan yang besar daripada program ini, tetapi apa yang perlu diberi perhatian ialah nasib kalangan anak tempatan, industri kewangan yang semakin rancak di pulau tersebut tidak dapat dinikmati oleh penduduk tempatan daripada dasarnya tidak membolehkan masyarakat tempatan untuk menyertai industri tersebut dan hal ini mewujudkan jurang ekonomi yang amat ketara antara penduduk Labuan dengan aktivis kewangan luar pesisir.

Apa yang amat menyedihkan ialah segala pembangunan di Labuan hanya dapat dilihat oleh penduduknya, tetapi mereka tidak dapat menikmati faedah daripada pembangunan tersebut. Sebaliknya, pembangunan yang disediakan adalah bagi kemudahan aktivis kewangan asing yang kemudiannya mendapat manfaat dan keuntungan yang besar berbanding dengan segala aktiviti yang diusahakan oleh anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Labuan sebagai IOFC secara langsung menjadikan sebuah pulau yang bakal dilimpahi oleh orang luar dan disedari atau tidak, segala kemudahan adalah untuk melicinkan aktiviti mereka.

Kepesatan industri ini turut mempengaruhi taraf ekonomi komuniti itu dan secara tidak langsung ia menekan rakyat tempatan. Kos hidup di Labuan akan terus meningkat apabila ia berkembang sebagai pusat kewangan luar pesisir dan segala bentuk barangan juga perkhidmatan menjadi semakin mahal. Keadaan ini amat menekan penduduk tempatan, sudahlah mereka tidak dapat menyertai kesempatan industri kewangan itu, lebih teruk lagi mereka menjadi mangsa dengan kepesatan itu. Saya amat menghargai pembangunan yang diterima oleh Labuan tetapi janganlah rakyat tempatan di anaktirikan ataupun diketepikan ataupun tersisih.

Sehubungan dengan itu, saya amat mengharap supaya Yayasan Labuan yang sedang dirangka oleh Lembaga Pembangunan Labuan dilaksanakan dengan seberapa segera. Saya yakin dengan wujudnya yayasan ini, sedikit sebanyak akan membantu rakyat Labuan dalam pelbagai aspek.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kewujudan yayasan adalah wajar dan adil kepada penduduk di sana dan dalam keadaan Labuan yang pesat sebagai pusat IOFC dan memberi keuntungan kepada aktivis kewangan asing agak rasional sekiranya keuntungan ini dapat diagihkan kepada anak tempatan dan seperti yayasan negeri-negeri yang lain, penubuhan yayasan juga merupakan salah satu daripada langkah pro-aktif membantu penduduk tempatan yang tidak berkemampuan menikmati pendidikan tinggi dan sempurna serta membantu mereka menyertai sektor ekonomi dan sosial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, program amanah saham yang giat dijalankan di seluruh Malaysia, pada hemat saya amat baik dan banyak membantu rakyat. Semua rakyat terutamanya bumiputera diberikan peluang menyertai industri pelaburan yang semakin agresif perkembangannya. Kewujudan pelbagai amanah saham selain daripada Amanah Saham Bumputera, Amanah Saham Nasional termasuklah amanah saham negeri-negeri didapati berupaya menggalakkan bumiputera menyertai industri pelaburan yang semakin berkembang dan menguntungkan.

Saya amat menyokong kewujudan amanah saham termasuklah Amanah Saham Wawasan kerana ia diyakini sifar risiko dan memberi pulangan dalam jangka masa panjang di samping menggalakkan rakyat menyimpan. Di sini, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Amanah Saham Anak Labuan bertujuan untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada rakyat Labuan menyertai kerancangan industri yang sedia ada dan yang akan datang. Amanah Saham Anak Langkawi telah pun dilancarkan dan saya tidak nampak mengapa Labuan tidak boleh menerima faedah yang sama. Penduduk Labuan yang asalnya terdiri daripada komuniti kecil yang menjalankan aktiviti perdagangan yang paling asas seperti yang telah saya huraikan, tetapi penduduk Labuan tidak begitu merasai nikmat dan keuntungan daripada kepesatan Labuan setelah menjadi IOFC. Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan perlu mencari jalan untuk mereka menikmati pembangunan ataupun

membantu mereka untuk turut sama menyertai pembangunan tersebut dan mewujudkan Amanah Saham Anak Labuan adalah salah satu langkah yang saya fikir dapat membantu menyertai industri pelaburan memandangkan industri pelaburan begitu pesat berkembang, tidak seorang pun harus tertinggal untuk menyertainya, begitu juga dengan penduduk di sana.

Saya percaya, di samping menggalakkan mereka menyimpan dan memberi keuntungan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua boleh beri atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan. Silakan!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Labuan ingin mendapat khidmat nasihat dari Ahli Yang Berhormat dari Langkawi? Kerana Langkawi ada ASAL, jadi, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Labuan boleh berunding-runding dengan Ahli Yang Berhormat dari Langkawi melalui Ahli Yang Berhormat dari Yan, kita dapat menubuhkan sebuah lembaga untuk anak-anak Labuan pula? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih rakan saya dari Yan. Langkawi yang mana satu? Wakil negeri ataupun Wakil Parlimen?
[Ketawa] Pandangan tersebut, insya-Allah, boleh kita pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di samping menggalakkan mereka menyimpan dan memberikan keuntungan dalam jangka masa panjang, penyertaan mereka dalam amanah saham ini dapat mendedahkan mereka secara individu dan asas serta susunan pelaburan, penyertaan ini juga sedikit sebanyak akan dapat melatih mereka melalui terma-terma dan pelbagai pengetahuan asas pelaburan sekiranya mereka menaruh minat untuk melibatkan diri dalam industri tersebut secara serius.

Oleh yang demikian, saya begitu berharap agar program amanah saham ini dapat diusahakan di Labuan dan membolehkan rakyat di pulau itu merasai faedah dan keuntungan yang sebelum ini telah dinikmati oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pembangunan Labuan yang diakibatkan daripada perkembangannya sebagai IOFC, saya nampak banyak peluang yang terbuka kepada rakyat tempatan tetapi tidak dapat dicapai oleh mereka. Misalnya, kepesatan industri kewangan yang ketara di pulau ini, kepesatan industri ini telah membuka banyak peluang pekerjaan dan saya kira sewajarnya diisi oleh anak Malaysia. Malangnya perkara ini tidak boleh berlaku kerana kriteria pendidikan, kemahiran, pengalaman dalam bidang ini tidak membenarkan anak Malaysia atau anak tempatan menyertainya.

Kerajaan perlu memikirkan satu jalan supaya untuk jangka masa panjang, industri kewangan di Labuan tidak perlu menagih tenaga mahir di dalam bidang ini daripada negara luar. Kos tenaga mahir luar sudah sememangnya tinggi dan sudah tiba masanya supaya konsortium bank-bank Malaysia membuat sedikit pelaburan dengan membina sebuah institusi pendidikan tinggi di Labuan yang mampu mengeluarkan graduan yang mahir dalam bidang aktiviti perdagangan luar pesisir ataupun aktiviti-aktiviti yang ada hubung-kait dengan aktiviti luar pesisir.

Industri pendidikan yang bakal dibina ini pula, diharapkan dapat memberikan pendidikan dan latihan kepada para pelajar secara mendalam tentang sektor kewangan dan tujuan utamanya ialah menyediakan tenaga mahir yang terdiri daripada anak Malaysia dan khususnya anak Labuan dalam bidang pendidikan perniagaan luar pesisir. Ini adalah untuk mengisi tuntutan sektor gunatenaga industri ini di masa akan datang dan menerusi pengalaman yang ada sekarang dalam tempoh enam tahun, Labuan beroperasi sebagai pusat kewangan, kita perlu mampu menyediakan pekerja sektor kewangan secara menyeluruh dan ini menyebabkan kita terpaksa menyusun pelbagai insentif untuk menggalak dan menarik pekerja luar untuk berkhidmat di pulau ini dan insentif-insentif seperti pengurangan cukai dan levi sememangnya merugikan kerajaan.

Justeru itu, pihak kerajaan harus mencari jalan untuk menghasilkan tenaga mahir khususnya dari kalangan anak tempatan Labuan untuk mengisi kekosongan jawatan yang semakin mendesak ini.

Selaras dengan perkembangan sistem pendidikan dan usaha memperingkatkan martabat pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, saya yakin institusi pendidikan di Labuan dapat menyahut dan merealisasikan harapan Rancangan Malaysia Ketujuh sama ada di dalam bidang pendidikan, sektor gunatenaga dan pengagihan kecemerlangan ekonomi di kalangan semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rakyat tempatan di Labuan perlu juga diberikan perhatian terutamanya menjelang Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Selain daripada tekanan kos hidup yang melambung kesan IOFC, mereka turut tertekan dengan kehadiran pendatang haram. Masalah pendatang asing yang dialami di Labuan hampir sama dengan lain-lain tempat di negara ini. Mereka merampas peluang penduduk tempatan, mereka menjalankan perniagaan secara haram dan perbuatan ini didapati semakin berleluasa apabila tidak ada tindakan yang diambil untuk melindungi, untuk membendung perbuatan mereka ini. Para peniaga tempatan Labuan mempunyai hak untuk merasa cemburu dan tidak puashati kerana mereka iaitu pendatang asing menjalankan perniagaan secara percuma tanpa perlu membayar lesen, yuran pendaftaran syarikat, yuran pendaftaran perniagaan dan lain-lain seperti yang dikenakan ke atas peniaga

tempatan. Ketidakpuasan hati ini, sering menimbulkan tekanan dan melahirkan suatu lagi masalah sosial yang tidak sihat bagi sebuah pusat IOFC.

Sehubungan dengan itu, saya mohon sekali lagi supaya masalah pendatang asing ini diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kelak, tindakan segera perlu diambil untuk mengatasi masalah kehadiran pendatang tanpa izin ini, bukan sahaja di Labuan tetapi di seluruh Malaysia, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin beralih kepada satu lagi aspek lain yang ada hubung-kait dengan keselamatan dalam negara. Dalam keghairahan kita menikmati pelbagai faedah daripada kepesatan ekonomi dan kestabilan politik negara, kita tidak sewajarnya lupa akan keselamatan negara Malaysia daripada ancaman luar. Malaysia tidak ingin mempunyai musuh, tetapi kita tidak wajar menaruh kepercayaan dan keyakinan bahawa negara kita berada dalam keadaan selamat dan sejahtera sepanjang waktu.

Perlu diingatkan bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang menuntut hak ke atas kepulauan Spratly di samping kuasa besar China, Vietnam, Filipina, Singapura, Indonesia dan beberapa negara yang lain dan kedudukan Malaysia dalam perebutan ini, memungkinan kita menghadapi banyak musuh yang iri hati dengan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, senario perebutan ini menyebabkan negara yang menuntut hak terpaksa berhadapan dengan negara China yang bersungguh-

sungguh ingin memiliki Spratly dan pulau-pulau berhampiran dengannya. Seluruh dunia kini sudah mengetahui bahawa China kini sedang berusaha untuk berkuasa di rantau Asia. Ekonomi Asia yang semakin kukuh menjadi penggerak ambisi China untuk menjadi sebuah kuasa dominan di rantau ini. Negara-negara kecil di Asia Timur kini semakin gelisah, tanpa berselindung, negara China membina semula dan menempatkan pasukan militarnya di kawasan Pasifik. Selat Taiwan misalnya, tidak pernah aman, kemunculan pertelingkahan ini jelas penghujung tahung lalu sehingga memaksa Amerika Syarikat campur tangan dalam menghantar kapal perangnya dan usaha China untuk membina tentera laut yang berupaya memprojeikkan kuasa di seluruh Laut China Selatan memberi keresahan kepada negara-negara terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, impian China untuk berkuasa bukan suatu jenaka. Kekayaan dan sumber laut, sumber petroleum dan gas di pulau-pulau yang dituntut menarik minatnya untuk berkuasa di perairan terbabit dan selain daripada pengumuman tuntutan hak ke atas Pulau Spratly dan Parasil di Laut China Selatan oleh Beijing, ia juga cuba menuntut hak ke atas beberapa kepulauan yang menjadi milik Jepun. Tuntutan demi tuntutan ini adalah petanda bahawa China adalah serius.

Dua bulan selepas pengumuman tuntutan ini, Beijing menaikkan kemarahan Vietnam dan lain-lain negara yang menuntut Pulau Spratly dengan memberi hak penjelajahan kepada syarikat minyak Amerika Syarikat - Cristone

Energy - di kawasan berhampiran dan tidak cukup dengan itu, Beijing menggerakkan dua buah kapal jelajahnya ke Teluk Tongkin hanya 70 baru daripada pantai Vietnam dan tahun lalu, kita menyaksikan pertelingkahan China dengan Filipina di kepulauan yang sama dan tidak mustahil China akan mengacah Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menuntut hak ke atas Pulau Spratly dan soal keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua, dari ancaman luar ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kelak.

Kita bukan sahaja berhadapan dengan China yang kini melanjutkan tuntutananya sehinggalah ke kawasan perairan Mukah di Sarawak, malahan kita berhadapan dengan Filipina yang tidak henti-henti menuntut hak di perairan Sulu termasuklah karehah Singapura di Perairan Johor dan Pulau Batu Puteh dan keselamatan adalah kedaulatan negara dan Malaysia perlu lebih bersedia memastikan kestabilan ketenteraannya bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Proses menuntut hak ini menjadikan keselamatan dan kedaulatan negara berada di dalam keadaan yang tidak menentu. Negara perlu lebih berhati-hati dan tegas dalam segala tindakan untuk memastikan Malaysia terus mempertahankan kawasan-kawasan yang dipunyainya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya mencadangkan supaya kerajaan Malaysia terus mewartakan pulau-pulau atau kawasan-kawasan

yang telah dipunyainya sebagai tanah jajahan Malaysia. Dan ini penting untuk memastikan pengekal hak ke atas kawasan-kawasan tersebut justeru menghindarkan tuntutan luar ke atas pulau-pulau yang terbabit. Pulau-pulau dan kawasan-kawasan tersebut yang telah diwartakan sebagai hak Malaysia ini perlulah dieksploitasi sumber ekonominya. Ternyata sekali kawasan-kawasan ini menjadi rebutan kerana terdapat sejumlah simpanan petroleum dan gas yang banyak di samping sumber perikanan yang agak lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan ekonomi dan kestabilan sosial serta politik tidak boleh dijadikan cagaran terhadap keselamatan negara. Kita perlu bersedia menghadapi ancaman luar yang datang secara halus. Lantaran itu, dalam rancangan lima tahun akan datang, saya begitu mengharap supaya sistem pertahanan Malaysia kita diperbaiki dan dipertingkatkan lagi keupayaannya. Pembelian pesawat-pesawat dan kenderaan-kenderaan ketenteraan baru amat wajar kerana apa yang kita miliki sekarang jauh ketinggalan. Semua rakyat menyedari melalui kemalangan pesawat tentera Malaysia yang ternyata menunjukkan kelemahan yang ada.

Mempertahankan sistem ketenteraan dengan penggantian pesawat baru bukanlah bertujuan untuk menakut-nakutkan negara lain seperti yang dilakukan oleh China, tetapi biarlah ianya untuk persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang Rancangan Malaysia Ketujuh ini nanti, saya ingin memberikan cadangan tentang pembangunan pesat terutamanya di kawasan-kawasan bandar dan khususnya kawasan-kawasan perumahan di seluruh negara. Pada hemat saya, dalam konteks ini, kepesatan dan kemajuan ekonomi yang kita ada sekarang, dibantu oleh kepakaran dan tenaga mahir anak tempatan, sudah tibalah masanya kita mencorakkan semula bangunan-bangunan di seluruh Malaysia yang bakal dibina supaya beridentitikan Malaysia.

Jika kita amat-amati susun atur bangunan-bangunan khususnya taman-taman perumahan yang ada ketika ini, jelas sekali menunjukkan kepada kita semua bahawa arkitek-arkitek di negara kita ini tidak begitu kreatif ataupun sudah kehilangan idea untuk melahirkan susun atur bangunan-bangunan yang bercirikan Malaysia - yang lebih kreatif, menarik dan dapat memperlihatkan bahawa orang Malaysia sukakan kepada keindahan dan kreatif.

Kebanyakan bangunan di Malaysia berbentuk empat segi, menyerupai bangunan-bangunan di barat. Begitu juga susun atur taman-taman perumahan di seluruh negara. Kalau kita lihat daripada udara semuanya dalam bentuk empat segi (square). Kalau inilah reka bentuk susun atur bangunan-bangunan dan taman-taman perumahan di seluruh negara, tidak perlu seorang arkitek, rakan saya dari Yan pun boleh membuatnya dan dari Larut pun katanya, dia boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, sekiranya kita mampu mendirikan bangunan berkembar yang tertinggi di dunia, bangunan pintar dan sebagainya, tidak mustahil kita tidak berupaya untuk melahirkan bangunan yang berciri dan beridentitikan Malaysia. Saya melihat beberapa percubaan berani dalam pembinaan bangunan Daya Bumi dan Lembaga Urusan Tabung Haji, kedua-duanya bangunan ini boleh dijadikan contoh untuk mewujudkan seni bina bangunan Malaysia tetapi tiada sambutan dalam seni bina bangunan kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan menggalakan serta mengambil inisiatif untuk mewujudkan seni bina bangunan Malaysia di masa yang akan datang yang saya pasti dapat mempertingkatkan martabat Malaysia di mata dunia. Mudah-mudahan Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan mencapai matlamatnya. Insya-Allah.

Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

5.50 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berucap bagi pihak atau mewakili pembangkang negeri Sarawak berkaitan dengan pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyentuh rangka rancangan pembangunan ekonomi dan sosial negara kita bagi tempoh 5 tahun lagi, mulai 1996 hingga 2000.

Sebagai mewakili sebahagian besar para pengundi Sarawak yang telah memilih parti pembangkang, terutama DAP di Sarawak, saya ingin menyampaikan ketegasan para pengundi Sarawak yang mendapati diri mereka merasa kecewa dengan kegagalan kerajaan menerusi beberapa siri rancangan pembangunan yang telah lalu untuk merealisasikan harapan dan kehendak mereka seperti yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa siri rancangan Malaysia yang lalu telah gagal mencapai salah satu objektif utama dalam penubuhan Malaysia untuk meningkatkan lagi pembangunan ekonomi bekas Wilayah Borneo supaya taraf hidup dan kemahiran teknikal mereka bertambah baik dan asas yang kukuh disediakan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di mana langkah-langkah tersusun dikenalpasti untuk meningkatkan pembangunan industri di Sabah dan Sarawak di samping mengurangkan kesan ketidakseimbangan dari kegiatan bebas ekonomi agar jurang antara negeri-negeri yang mundur atau ketinggalan dengan negeri yang telah maju dirapatkan, bukan semakin lebar seperti mana kata-kata bapa Malaysia, Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sewaktu merasmikan pembukaan Mesyuarat Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) yang diadakan sebelum penubuhan Malaysia.

Y.T.M. Tunku, pada 8hb. Julai 1961 berucap mengenai Gagasan Malaysia ada berkata:-

- (i) Bahawa adalah sukar bagi Wilayah-wilayah Borneo merdeka atas kehendak sendiri tanpa memiliki sumber yang perlu bagi menampung perbelanjaan yang terlibat untuk membangunkan negeri mereka;
- (ii) bahawa dengan memasuki Malaysia, mereka akan menikmati kesaksamaan mutlak dengan negeri-negeri lain yang berautonomi;
- (iii) bahawa mereka juga akan menikmati keistimewaan dan faedah yang sama seperti negeri-negeri lain dan faedah itu akan digunakan untuk pembangunan mereka;
- (iv) bahawa tidak perlu bagi Wilayah Borneo menubuhkan sebuah persekutuan untuk mencapai kemerdekaan sebelum menyertai Malaya.

Saya menyentuh kembali kata-kata bersejarah ini untuk kita menilai kembali kedudukan sebenar di mana Sabah dan Sarawak kini berada dan beliau berkata lagi dalam Dewan ini semasa membahaskan usul penubuhan Malaysia bahawa penubuhan ini akan membolehkan Wilayah-wilayah Borneo beralih dari kedudukan tanah jajahan kepada berkerajaan sendiri dengan kemerdekaan mutlak di bawah Malaysia dan menyekat percubaan komunis untuk menguasai wilayah-wilayah tersebut.

RMK-6 telah berlalu dan kini kita sedang melancarkan RMK-7 selepas 33 tahun Sabah dan Sarawak merdeka dalam Malaysia. Saya ingin bertanya, apakah yang terjadi kepada Sabah dan Sarawak selepas menyertai Malaysia dan negara Brunei yang tidak menyertai? Tentulah terdapat perbezaan yang besar sekali. Adakah janji manis semasa penubuhan Malaysia dahulu telah ditunaikan untuk Sabah dan Sarawak supaya negeri-negeri ini menikmati kemakmuran negara dan berjaya membentuk rupa bangsa Malaysia atau keadaan ini masih terus tidak berubah seperti kata-kata Y.T.M. Tunku menjadi negeri terkebelakang sekali dari negeri-negeri yang maju.

Adalah cukup anih bahawa kita masih terus mempersoalkan objektif penubuhan Malaysia setelah begitu lama pembangunan berat sebelah berjalan. Sebagai contoh, Hawaii adalah merupakan sebahagian wilayah Amerika Syarikat, tetapi saya tidak mendengar rakyat di wilayah tersebut mempersoalkan kedudukan mereka termasuk di dalam wilayah yang mundur dalam USA. Wilayah tersebut bertambah maju kerana Amerika Syarikat. Dan begitu juga sebagai wilayah-wilayah dalam Persekutuan Malaysia, maka Sabah dan Sarawak mahu menjadi bahagian yang sangat bermakna untuk Malaysia di mana kita akan sentiasa menikmati kemakmuran dan merasa bangga kerana menjadi sebahagian Malaysia dengan kedudukan ekonomi yang semakin baik dan bebas dari kongkongan penjajah.

Malaysia kini sudah semakin maju berbanding dengan hari-hari awal penubuhan negara. Perbelanjaan kerajaan ke atas perkhidmatan telah bertambah, tetapi perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Sabah dan Sarawak pada secara kasarnya telah menurun. Sebagai contoh, di Sarawak telah menurun dari 67% bagi tempoh 1966 hingga 1970 kepada 47% bagi tempoh 1986 hingga 1990.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak terpaksa memikul beban bahagian yang besar dari jumlah perbelanjaan mereka berbanding dengan negeri-negeri lain. Semasa tempoh 1966 hingga 1990, kerajaan negeri Sabah dan Sarawak telah memperuntukkan sekurang-kurangnya 35% dari jumlah perbelanjaan awam untuk negeri masing-masing berbanding Kerajaan Negeri yang lain.

Sejak 1963, 70% hasil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak datang dari cukai bayaran lesen. Ini meliputi duti import ke atas kayu balak dan keluaran hutan yang lain, duti eksais dan duti import atas keluaran petroleum di samping hasil kutipan dari cukai tanah perlombongan seperti royalti petroleum.

Hasil daripada hartanah kerajaan dalam bentuk sewa, dividen dan faedah semakin bertambah penting. Peruntukan persekutuan telah menjadi stu sumber hasil Kerajaan Negeri untuk Sabah dan Sarawak sejak penubuhan Malaysia, menyumbang hanya 7% untuk Sabah dalam tahun 1988 dan 4% untuk Sarawak dalam tahun 1990.

Hasil hutan telah menjadi sumber pendapatan yang terbesar bagi Kerajaan Sarawak yang menyumbang kepada hasil negeri sebanyak 6% dalam tahun 1963 kepada 48% dalam tahun 1990.

Satu lagi sumber hasil utama Kerajaan Sarawak datang dari petroleum, mewakili 14% dari jumlah hasil Negeri Sarawak dalam tahun 1990 dan 10%

pula bagi Sabah dalam tahun yang sama. Malangnya, menurut Akta Pembangunan Petroleum 1974, ini hanya merupakan 5% royalti ke atas nilai kasar hasil petroleum, sedangkan Kerajaan Persekutuan mendapat royalti dan dividen dari Petronas.

Selanjutnya, ia mengenakan cukai ke atas keuntungan syarikat-syarikat pengeluaran dan Petronas sendiri. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan mendapat lebih banyak hasil dari petroleum berbanding kerajaan negeri yang menjadi pengeluaran petroleum.

Sebenarnya negeri Sabah dan Sarawak menyertai Malaya untuk membentuk Malaysia adalah dengan harapan untuk mendapat pemindahan bersih wang awam bagi maksud pembangunan seperti yang dijanjikan. Apa yang berlaku adalah sebaliknya. Negeri-negeri ini terpaksa menanggung kerugian atau kehilangan hasil bersih kepada Kerajaan Persekutuan sejak pembentukan, sebab utamanya kerana penubuhan Petronas yang menjadi milik Kerajaan Persekutuan menerusi Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Di Sarawak peruntukan untuk Rancangan Malaysia telah bertambah dari RM464 juta dalam Rancangan Malaysia Pertama kepada RM3,209 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam. Manakala di Sabah dari RM374 juta kepada RM2,307 juta dalam tempoh yang sama. Tetapi peruntukan untuk Sabah dan Sarawak menurun berperingkat-peringkat dari tempoh tiga Rancangan Malaysia iaitu dari tahun 1966 hingga tahun 1980 ke tempoh tiga Rancangan Malaysia berikut iaitu dari tahun 1981 hingga 1995. Dengan merosotnya bahagian peruntukan Rancangan Malaysia dan pertumbuhan demografi yang pesat,

peruntukan pembangunan per kapita bagi Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia telah menurun dalam Rancangan-rancangan Malaysia terakhir. Sebenarnya Sarawak kekal dalam kedudukan terendah sekali dalam senarai sembilan tertinggi peruntukan pembangunan per kapita antara 13 negeri dalam Malaysia.

Selama ini peruntukan pembangunan di Sabah dan Sarawak menurun berbanding dengan peruntukan bagi Semenanjung terutama Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan jumlah yang kurang untuk pembangunan dan sektor pengeluaran berbanding Semenanjung. Ketidakseimbangan dalam peruntukan pembangunan telah menjejaskan pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak sekali lagi menjadi sasaran pasaran barang-barang kilang yang datang dari Semenanjung.

Sektor pembuatan telah meningkatkan dengan mantap pertumbuhan ekonomi dan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan. Ini merupakan sektor yang strategik untuk pembangunan yang telah diberikan keutamaan di Semenanjung tetapi kurang diberi perhatian di Sabah dan Sarawak dalam Rancangan-rancangan Malaysiannya. Kekurangan fiskal yang besar ini menyebabkan Sarawak dan Sabah tertinggal kebelakang.

Sabah dan Sarawak telah menanggung kerugian atas kehilangan bersih terkumpul potensi hasil sebab utamanya kerana kawalan Kerajaan Persekutuan yang mentadbir sumber-sumber petroleum mereka. Walaupun ketinggian hasil

telah meringankan beban kerajaan negeri dalam menyediakan lebih banyak perkhidmatan kerajaan di Sabah dan Sarawak daripada negeri-negeri lain tetapi ini mengarah kepada meningkatkan defisit belanjawan Kerajaan Sabah dan Sarawak.

Isu menambah kemudahan dan faedah daripada hasil petroleum kepada negeri-negeri pengeluar sering dibangkitkan. Sebelum Pilihanraya Umum 1990, Ketua Menteri Sabah berkata bahawa royalti petroleum kepada negeri-negeri hendak dinaikkan daripada keluaran petroleum negeri tersebut. Bekas Ketua Menteri Sarawak dalam tahun 1969 menuntut bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju secara lisan bagi membenarkan Sarawak mendapat semua hasil petroleum sebagai balasan persetujuan mengurangkan pemberian geran Persekutuan kepada negeri tersebut walaupun Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengakui membuat tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, dengan memperuntukkan lebih banyak peruntukan Persekutuan kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak tidak sahaja memperbetulkan kekurangan ini tetapi juga satu usaha memenuhi harapan asal rakyat semasa menganggotai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat dukacita baru-baru ini Ketua Pemuda UMNO Malaysia telah membangkitkan "Isu 20 Perkara" yang menjadi perlindungan dan jaminan bagi Sabah dan Sarawak semasa memasuki Persekutuan Malaysia di mana beliau mengugut supaya 20 perkara yang dipersetujui ini dikaji semula. Beliau tidak sedar bahawa 20 perkara itu ialah

satu perjanjian antara Kerajaan Malaya (Federation of Malaya, Sabah and Sarawak) dalam pembentukan Malaysia. Tanpa perjanjian tersebut, Gagasan Malaysia tidak mungkin terlaksana. Ia adalah satu perjanjian yang menghendaki kita semua menjunjung dan hormat menghormati antara satu sama lain dari segi hak dan kebebasan dan bukan dijadikan alat olehnya bermain sentimen rakyat Sabah dan Sarawak.

Bagaimanakah perasaan tuan-tuan jika tuan-tuan dari Sabah dan Sarawak? Inilah kali kedua sejak tahun 1969, isu ini dimainkan semula secara terbuka. Sebagai penduduk negeri Sarawak kami tidak berminat lebih atau kurang seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian tetapi adalah keadilan, tidak lebih dari itu. Tetapi sebagai rakyat di Malaysia Timur, permintaan kami supaya diberikan lebih banyak peruntukan bagi Sabah dan Sarawak supaya negeri-negeri ini setaraf dan berada dalam kedudukan sama rata dengan Semenanjung kerana apa yang terjadi sekarang ialah penduduk Sabah dan Sarawak semakin tercicir ke belakang sama ada dari aspek pendidikan, sosial, politik, kebudayaan, ekonomi dan kemudahan asas. Permintaan-permintaan kami untuk menambah royalti petroleum dari 5% sekarang tidak pernah dipenuhi dan kemiskinan masih mencengkam rakyat Sarawak baik di bandar dan di luar bandar.

Apabila kita membentuk Malaysia, kami masuk sebagai rakan yang sama berhak walaupun entiti berasing dan pada hari ini Ketua Pemuda UMNO

bercakap supaya kita memecah perkongsian itu. Tidak ubah seperti sebuah syarikat yang dikongsi oleh tiga pengarah dan seorang pengarah mahu mengambil kesemua saham supaya dia boleh menjadi pemilik tunggal.

Yang Berhormat dari Jelutong, dia pun salah faham mengenai aspirasi politik orang Sarawak. Perkara 20 ini adalah perjanjian yang merupakan semangat penubuhan Malaysia yang mengkehendaki kita semua menjunjung dan hormat menghormati supaya impian Malaysia seperti yang dikatakan oleh YTM Tunku iaitu menikmati kesaksamaan mutlak dan keistimewaan dan faedah yang sama boleh dicapai. Demi tiga komponen wilayah lebih maju dan negara Malaysia lebih kuat, kita patutlah memahami sejarah kita sendiri yang kini semakin dilupakan dan kita hendaklah menghormati warisan kita. Kita bersatu dan menjadi bebas dan merdeka demi kebaikan dan kesejahteraan semua pihak sepertimana jaminan yang diberikan oleh Almarhum YTM Tunku supaya semua rakyat Malaysia akan lebih makmur dan bersatu-padu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

6.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Setelah meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan buku Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) yang tertebal sekali sejak Rancangan Malaysia Yang Pertama.

Saya berharap ia akan membawa manfaat yang terbesar sekali berbanding dengan enam Rancangan Malaysia yang lepas khususnya menjelang millennium ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, buku yang tebal dan ‘licau’ tidak semestinya mengandungi semua yang baik dan betul belaka - tidak ada gading yang tidak retak. RMT merupakan kesinambungan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dengan matlamat utama untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan bersatu-padu.

Cabaran utama adalah untuk menyediakan kerja mahir yang mencukupi menggalakkan pendalaman modal dan mewujudkan budaya berasaskan teknologi yang lebih aktif bagi menjayakan peralihan struktur ke arah ekonomi ini, yang didorong oleh produktiviti serta beroperasi berskala besar. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua,

“The major challenges will be to provide sufficient scale to workers, promote capital deepening and creat the more technology oriented culture to effect the structural transmission towards the productivity driven economy as well as embark on world scale operation.”

Menurut buku RMT bagi memastikan dasar tersebut sentiasa sesuai dan selaras dengan pembangunan dan perubahan persekitaran, kefleksibelan dan pragmatisme akan terus merupakan unsur yang penting dalam melaksanakan

dasar. Melalui cara tersebut gabungan strategi dengan kehendak masa akan terus digubal dan pilihan yang terbaik bagi pembangunan dibentuk. Kreativiti dan daya inovasi akan digalak untuk memastikan prestasi akan sentiasa meningkat bagi mencapai pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam RMT yang ditonjolkan ialah kecekapan efficientnya pekerja mahir, penanaman modal, budaya berasaskan teknologi, ekonomi yang didorong oleh produktiviti, operasi berskala besar, berskala dunia, pembinaan daya pemulihan, resilience, dinamisme, pembangunan seimbang, perpaduan negara, masyarakat penyayang, kefleksibelan, pragmatisme, kreativiti, daya inovasi serta peningkatan prestasi dan daya saing. Sekiranya gagasan-gagasan ini dapat dihayati dan dijayakan oleh semua rakyat Malaysia alangkah baiknya untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, adanya usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan, pengagihan hasil pertumbuhan ekonomi secara saksama, perlindungan alam sekitar dan sumber semula jadi, latihan dan pendidikan untuk memperkukuh asas tenaga manusia dan asas sains dan teknologi serta teknologi maklumat, tetapi usaha-usaha ini tidak mencukupi. Memandangkan Malaysia adalah kaya-raya dengan sumber semulajadi, pengurusannya masih boleh dipertingkatkan lagi.

Sejak tahun 1993, penjimatan daripada projek-projek yang telah diswastakan disebutkan sebagai RM72.8 bilion, terdapat gejala-gejala yang

menunjukkan pemborosan dan penyelewengan seperti MARA dan Perwaja. Penswastaan dianggap sebagai penawar kepada semua kelemahan perkhidmatan awam, kejurangan langkah untuk menjaga standard di bidang-bidang seperti pendidikan, kerana keghairahan untuk mencapai matlamat kekurangan langkah yang berkesan untuk mencegah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut satu lagi strategi baru untuk peralihan kepada pengeluaran berskala besar bagi eksport bagi industri-industri Malaysia. Ini merupakan langkah susulan yang logik dalam pertumbuhan ekonomi dan industri Malaysia, sekiranya negara ini ingin meningkatkan bahagiannya dalam pasaran dunia. Selanjutnya peralihan ini akan membolehkan industri yang sedang berkembang mendapat manfaat daripada ekonomi bidangan, sementara penambahan jualan kepada pasaran dunia akan membantu mengukuhkan kedudukanimbangan pembayaran Malaysia.

Pendapat Yang Amat Berhormat adalah ke arah yang betul. Kini terdapat kelemahan-kelemahan dalam industri-industri semacam industri motokar yang perlu diperbaiki untuk mencapai peralihan tersebut. Kaedah yang lebih berkesan untuk memerangi rasuah dan langkah-langkah yang lebih peka kepada penindasan seperti masalah-masalah kemiskinan dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan ini, saya hendak menekankan bahawa di dalam bidang-bidang seperti keselamatan tidak

banyak yang disebutkan di dalam buku yang begitu tebal. Keselamatan negara adalah penting untuk memastikan negara ini dapat memajukan dalam keadaan aman, sentosa dan tenteram.

Angkatan tentera yang bernilai tinggi bersemangat baik, bertenaga mahir dan cukup, berteknologi terkini dan bermotivasi adalah diperlukan. Dalam usaha untuk mempermodenkan Angkatan Tentera Malaysia, kita mestilah sentiasa mengambil pusing kepekaan negara-negara jiran terhadap pertahanan kita.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, keselamatan disebutkan dalam 4 halaman, hanya dua perenggan dan 14 perkataan yang mencatatkan peruntukan RM9.2 bilion untuk pembangunan pertahanan bagi pembelian kelengkapan ketenteraan. Walaupun kita menyedari bahawa kita perlu memelihara kerahsiaan tentera, tetapi ini tidak bermakna maklumat yang lebih lengkap tidak boleh diberi kepada orang ramai terutamanya iaitu Ahli-ahli Parlimen.

Peruntukan RM11 bilion untuk sektor keselamatan mestilah digunakan dengan baik dan laporan yang sesuai mengenai prestasinya dibentangkan di dalam Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu Kertas Putih Pertahanan (Defence White Paper), dengan izin, dibentangkan untuk semua aspek Angkatan Tentera Malaysia. Kertas Putih Pertahanan ini hendaklah menghuraikan birokrasi pertahanan dan cara-cara operasinya. Nilai

perkhidmatan pasukan-pasukan tentera, semangat atau moral tentera, tenaga atau manpower dalam Tentera Darat Di-Raja Malaysia, Tentera Udara Di-Raja Malaysia, Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Tentera Wataniah dan pengambilan rekrut, kapasiti setiap rejimen, penyusunan semula Angkatan Tentera Malaysia yang dijalankan dari semasa ke semasa dan mengenai mobiliti, fleksibiliti dan kapasiti senjata, motivasi Angkatan Tentera dan pendapatan, kemudahan dan kebajikan untuk semua perajurit dan bekas perajurit dan state of the art technology, Tuan Yang di-Pertua, teknologi terkini serta peluang-peluang dan kemahiran-kemahiran dalam Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pertahanan dapat mengambil perhatian mengenai cadangan saya untuk mengadakan satu Kertas Putih Pertahanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penswastaaan. Penswastaaan dianggap sebagai penawar kepada semua kelemahan dalam sektor awam dan saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan strateginya.

Dalam tempoh 1991-1995 sejumlah 204 projek telah diswastakan untuk mempertingkatkan daya saingan, kecekapan dan produktiviti. Pelan Induk Penswastaaan (PIP) dan Pelan Tindakan Penswastaaan (PTP) mengandungi 9 kaedah penswastaaan. Jumlah penjimatan perbelanjaan modal hasil daripada projek yang diswastakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah

RM51.6 bilion atau 70.9% daripada jumlah penjimatan secara keseluruhan sejak tahun 1993 iaitu RM72.5 bilion.

Program pembangunan vendor perlu dikaji semula untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahannya supaya program ini dapat benar-benar membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS). Kami tidak menafikan bahawa jika sesuatu projek dapat diswastakan secara adil dan berkesan tanpa melupakan tanggungjawab sosial, ia boleh memberi manfaat kepada masyarakat, termasuk pemindahan teknologi, program latihan dan keberkesanan badan kawalselia. Sekiranya terdapat penyelewengan dalam projek-projek swasta ia akan membawa kerugian kepada masyarakat. Kami berpendapat bahawa keseimbangan antara sektor awam dan sektor swasta mestilah wujud. Sektor awam haruslah menunjukkan kepimpinannya.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, setelah sistem pembedungan negara diswastakan, pemegang konsesi Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Menghadapi kesusahan untuk mengutip bayaran pembedungan. 59.4% penduduk enggan membayar bil pembedungan, tetapi mereka sanggup membayar bil air. Masalah ini berterusan. Jika IWK berjaya menubuhkan lima IKS bagi mengeluarkan bahan input pembinaan sistem pembedungan, ia merupakan aspek yang positif. Tetapi kerajaan seharusnya mencari jalan-jalan yang dapat diterima oleh majoriti. Sekarang cara kutipan bayaran pembedungan tidak diterima oleh majoriti. Sebab itulah kerajaan perlu lebih berhati-hati

untuk mengkaji dengan teliti setiap projek sebelum diswastakan agar tidak wujudnya masalah seperti ini.

Kerajaan wajib menunjukkan kepimpinan termasuk pembasmian kekurangan dalam sektor awam dan prestasi dalam projek-projek awam seperti perumahan awam kos rendah. Sektor awam hanya dapat membina 43.7% daripada sasaran perumahan awam kos rendah berbanding dengan 99% yang dicapai oleh sektor-sektor swasta. Ini tidak menunjukkan para pemaju yang berjaya untuk mengelakkan daripada membina rumah kos rendah. Tetapi yang penting sekali pihak kerajaan bukan sahaja menganggap penswastaaan sebagai penawar untuk kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam sektor awam, bahkan juga ia mesti mempertimbangkan mengambil inisiatif sebagai sektor yang lebih baik daripada sektor swasta dan lebih cekap dan produktif kalau berbanding dengan sektor swasta. Jangan kita sebaliknya menganggap sektor swasta sahaja yang cekap yang mempunyai produktiviti yang tinggi. Falsafah seperti ini mesti dikaji semula. Kepimpinan sektor awam haruslah sentiasa ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dianggarkan 8%. Saya berharap kadar pertumbuhan ini dapat dikekalkan. Cuma saya ada kebimbangan sedikit mengenai besar kemungkinan wujudnya kemelesetan ekonomi tidak lama lagi. Saya menyeru supaya kerajaan mengambil langkah-langkah untuk “sediakan payung sebelum hujan”. Di dalam

usaha untuk membendung inflasi, kita mesti berjaga-jaga supaya tidak wujudnya hyper inflation dan sebagainya.

Peruntukan Rancangan Malaysia Keenam ada sejumlah RM117,500,000 dan perbelanjaannya ialah RM117,658,000. Ini menunjukkan pihak kerajaan berikhtiar untuk menggunakan wang yang diperuntukkan. Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukannya ialah dianggarkan sebagai RM1,162,500 juta. Hasil jumlah terkumpul untuk Rancangan Malaysia Keenam ialah RM215,393 juta dan anggaran untuk Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM319,406 juta. Mudah-mudahan jumlah yang besar ini dapat digunakan dengan baik untuk kebajikan generasi-generasi sekarang dan masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada nampak beberapa kelemahan. Menurut Leo Tolstoy, pujangga Russia, 1828-1910, ia berkata, “Saya duduk di atas belakang seseorang lelaki, melemaskan dia dan memaksa dia membawa saya, tetapi masih menenangkan hati saya dan orang-orang lain bahawa saya kasihan kepada dia dan berhasrat untuk meringankan beban dia dengan sedaya upaya, kecuali dengan menurunkan dari belakangnya”. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Leo Tolstoy said, “I sit on a man’s back, chocking him and making him carry me and yet reassure myself and others that I am very sorry for him and wish to ease his lot by all means, except by getting him off his back.”

Keadaan sedemikian wujud dalam usaha kita untuk menangani masalah-masalah wanita dan orang-orang berpendapatan atau berperolehan rendah.

Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai 13 halaman untuk wanita dalam pembangunan. Isi kandungannya adalah serupa dengan Rancangan Malaysia Keenam. Tidak ada inovasi. Cuma ada sedikit perubahan, misalnya pindaan ke atas Akta Keganasan Keluarga. Itu pun pelaksanaannya ditundakan dua tahun.

Rancangan Malaysia Ketujuh menekankan bahawa sejak tahun 1989 Dasar Wanita Negara memberi panduan kepada usaha menangani perkara berkaitan dengan kepentingan wanita dan menggalakkan kemajuan mereka, penyediaan lebih banyak peluang dalam pendidikan dan latihan, peningkatan taraf kesihatan mereka dan penggalakkan penyertaan wanita dalam ekonomi akan menjadi komponen penting kepada strategi untuk kemajuan wanita dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Program yang relevant dalam landasan tindakan Persidangan Sedunia Keempat Bagi Wanita akan dilaksanakan. Saya berharap ia dilaksanakan dengan berkesan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung kemudian. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada minggu hadapan saya berharap Ahli-ahli dapat berucap tidak lebih daripada 20 minit seseorang.

Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin hadapan jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

